



DR 1 TAHUN 2014
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA BELAS
PENGAL KEDUA

LAPORAN
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS

PERBELANJAAN HARI BELIA NEGARA 2012



LAPORAN
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS

<u>BIL</u>	<u>PERKARA</u>	<u>MUKASURAT</u>
1.	Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Terhadap Pembayaran Artis K-Pop Sempena Himpunan Jutaan Belia 2012	1
2.	Pandangan & Syor Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara	13
3.	Agenda Mesyuarat	
	a. Bilangan 4/2013 pada 21 November 2013	15
4.	Laporan Prosiding	
	a. Bilangan 4/2013 pada 21 November 2013	
5.	Dokumen Lampiran	

**LAPORAN
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA
WANG NEGARA**

LAPORAN
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
TERHADAP PEMBAYARAN ARTIS K-POP BERJUMLAH RM1.60
JUTA SEMPENA HIMPUNAN JUTAAN BELIA 2012

1.0 LATAR BELAKANG

Isu pembayaran berjumlah RM1.60 juta kepada 3 artis berkumpul dari Korea yang membawa genre K-Pop sempena Hari Belia 2012 (Himpunan Jutaan Belia 2012) telah mendapat liputan yang meluas daripada media massa dan pelbagai reaksi dari masyarakat umum lanjutan daripada perbezaan kenyataan berhubung sumber peruntukan pembayaran kepada artis tersebut oleh Yang Berhormat Menteri Belia & Sukan dan mantan Yang Berhormat Menteri Belia & Sukan. Isu tersebut merupakan sebahagian kecil daripada penemuan Audit yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 Tahun 2012 bagi tajuk Kajian Pengurusan Program Pemberian Bantuan, yang telah dibentangkan di Parlimen pada 1 Oktober 2013. Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) telah memutuskan untuk membincangkan isu tersebut pada 21 November 2013 susulan daripada kesediaan mantan Yang Berhormat Menteri untuk memberi penjelasan kepada pihak PAC berhubung perkara tersebut.

2.0 OBJEKTIF PERBINCANGAN OLEH JAWATANKUASA

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara telah membincangkan isu pembayaran berjumlah RM1.60 juta kepada 3 artis berkumpul K-Pop sempena Hari Belia 2012 yang telah dibangkitkan dalam Perenggan 16 Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 (Siri 2) iaitu Pengurusan Program Pemberian Bantuan Oleh Jabatan Belia & Sukan Negara.

Selaras dengan mandat yang diberi di bawah Perkara 77 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat serta Perkara 304(a) Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2008), Jawatankuasa telah membuat pemeriksaan terhadap perkara ini dengan tujuan:

- a. Mengenal pasti dasar Kerajaan yang berkaitan dengan isu pembayaran tersebut;
- b. Menentukan sama ada perbelanjaan tersebut telah dibuat dengan berhemat atau sebaliknya;
- c. Mengenalpasti sama ada pembayaran yang dibuat selaras dengan peraturan Kerajaan yang berkuat kuasa; dan
- d. Mengesyorkan tindakan-tindakan yang patut diambil terhadap pihak-pihak yang terlibat sekiranya didapati berlaku penyelewengan wang awam.

3.0 SKOP DAN METODOLOGI

Perbincangan telah dibuat melalui pendekatan berikut:

- a. Menjemput Ketua Audit Negara bagi memberi penjelasan awal berhubung isu yang dibangkitkan;
- b. Memanggil pihak-pihak yang terlibat dalam urusan pembayaran tersebut termasuklah mantan Yang Berhormat Menteri dan pegawai daripada Kementerian Belia & Sukan; Jabatan Belia & Sukan Negara (JBSN); Majlis Sukan Negara (MSN) dan kontraktor Hari Belia 2012 iaitu Stadium First Sdn. Bhd.; dan
- c. Menjemput wakil dari agensi pusat seperti Kementerian Kewangan; Jabatan Akauntan Negara; Jabatan Perkhidmatan Awam dan Unit Perancang Ekonomi untuk hadir bersama.

4.0 HASIL PERBINCANGAN

Sesi perbincangan dimulakan dengan penjelasan awal mengenai isu yang berkenaan oleh Ketua Audit Negara kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Selanjutnya, pihak yang terlibat dengan isu yang dibangkitkan iaitu Kementerian Belia & Sukan yang diwakili oleh Yang Berhormat Menteri akan dipanggil memberikan keterangan. Perkara yang dibincangkan pada umumnya diringkaskan seperti berikut:

4.1. Penjelasan Awal Oleh Ketua Audit Negara

Ketua Audit Negara memaklumkan bahawa pengauditan yang dijalankan adalah Pengurusan Program Pemberian Bantuan Oleh Jabatan Belia & Sukan Negara yang telah dibentangkan dalam Siri 2, Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 (Perenggan 16) pada 1 Oktober 2013. Skop pengauditan adalah bagi tempoh tahun 2009 hingga 2012 yang meliputi semakan antaranya melibatkan 13 NGO / Persatuan / Pertubuhan di Kuala Lumpur, Johor, Sarawak dan Pahang. Majlis Belia Malaysia merupakan antara NGO yang dipilih, yang turut menerima bantuan (geran) antaranya bagi tujuan pelaksanaan Hari Belia Negara. Di dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 Siri 2, fakta pembayaran bagi artis K-Pop sempena Hari Belia Negara berjumlah RM1.60 juta hanya dilaporkan secara *one line item*. Isu sebenar yang dibangkitkan adalah sama ada perbelanjaan tersebut telah dilaksanakan secara berhemat atau sebaliknya.

Setelah Laporan Ketua Audit Negara dibentangkan, Yang Berhormat Menteri Belia & Sukan sekarang, Yang Berhormat Tuan Khairy Jamaluddin telah mengeluarkan kenyataan media pada 2 Oktober 2013 dengan menegaskan bahawa pembayaran bagi artis K-Pop telah dibiayai oleh Kementerian Belia & Sukan disebabkan penaja telah menarik diri. Pada 3 Oktober 2013, mantan Menteri Belia & Sukan, Yang Berhormat Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek

sebaliknya telah mengatakan di dalam *Facebook* beliau bahawa Jabatan Audit Negara (JAN) tidak membuat semakan terhadap dana tajaan yang diterima di dalam akaun Majlis Sukan Negara untuk Hari Belia yang digunakan bagi pembayaran K-Pop. Bagaimanapun, Ketua Audit Negara menjelaskan MSN bukan merupakan NGO sebaliknya merupakan Badan Berkanun dan ia tidak termasuk di bawah skop pengauditan. Perbezaan kenyataan yang dikeluarkan antara Yang Berhormat Menteri Belia & Sukan dan mantan Yang Berhormat Menteri telah menyebabkan Ketua Audit Negara dihujani pertanyaan media mengenai kebenaran fakta terhadap kenyataan yang dikeluarkan. Susulan daripada perkara tersebut, Ketua Audit Negara telah mengeluarkan kenyataan menyatakan terdapat bukti bahawa pembayaran berjumlah RM1.60 juta untuk artis K-Pop menerusi Majlis Sukan Negara.

Berdasarkan kronologi pengauditan, perbincangan bersama Kementerian merupakan *Standard Operating Procedure* (SOP) Jabatan Audit Negara. Sepanjang tujuh bulan mulai dari tarikh Pemerhatian Audit sehingga LKAN dimuktamadkan pada bulan Julai 2013, tidak ada sesiapa pun daripada KBS, JBSN dan Majlis Belia Malaysia (MBM) memaklumkan bahawa perkara mengenai penajaan yang diterima adalah menerusi MSN.

Berdasarkan penjelasan Ketua Audit Negara, penemuan Audit berkaitan perbelanjaan berhemat (dari perspektif Audit) dibangkitkan berdasarkan kepada antaranya peraturan Kerajaan iaitu Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2008; penjelasan mantan KSU di media selepas Hari Belia Negara pada tahun 2012 yang menyatakan bahawa pembayaran K-Pop berjumlah RM900,000 telah dibuat menggunakan wang tajaan serta peraturan Kerajaan yang lain khususnya Arahan Perbendaharaan dan Garis Panduan JBSN mengenai pemberian bantuan kepada NGO.

Hasil semakan selanjutnya turut mendapati ada bayaran yang dibuat kepada NGO yang kemudiannya dibayar oleh NGO kepada pihak ketiga secara tunai/cek termasuklah kepada pegawai Kerajaan sendiri hanya setelah mendapat arahan daripada pegawai KBS/JBSN. Pembayaran kepada pegawai KBS/JBSN tersebut melibatkan 19 orang pegawai dengan nilai pembayaran berjumlah RM1.26 juta. Adalah didapati pembayaran yang dibuat adalah tidak teratur dan meragukan kerana tidak ada butiran yang jelas serta tidak dilampirkan bersama dengan dokumen sokongan berkaitan, selain melanggar peraturan Kerajaan. Selain itu, MBM sepatutnya menyediakan laporan lengkap perbelanjaan yang disertakan dengan dokumen sokongan berkaitan. Bagi tahun 2012, MBM telah menerima sejumlah RM7.92 juta yang merupakan peruntukan yang disalurkan bagi tujuan Hari Belia Negara. Daripada RM7.92 juta peruntukan yang disalurkan, sejumlah RM1.60 juta telah digunakan bagi tujuan pembayaran artis K-Pop.

Secara rumusannya, antara kelemahan yang diperhatikan terhadap pengurusan pemberian bantuan kepada NGO oleh JBSN (termasuklah MBM) adalah tidak mengikut peraturan kewangan Kerajaan yang berkaitan; tiada kelulusan khas daripada Perbendaharaan terhadap pengecualian pemakaian peraturan Kerajaan yang berkuatkuasa; menggunakan NGO untuk *parking* peruntukan namun prosedur kerja yang lengkap tidak disediakan oleh NGO yang berkaitan bagi tujuan kawalan dalaman; pembayaran tidak disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap dan terdapat kelemahan pengurusan fail dan rekod kewangan.

4.2. Keterangan Oleh Mantan Yang Berhormat Menteri Belia & Sukan, Mantan Ketua Setiausaha (KSU) Belia & Sukan dan Ketua Pengarah Jabatan Belia & Sukan

Yang Berhormat Dato' Sri Ahmad Shabery Bin Cheek (mantan Y.B. Menteri Belia & Sukan) menjelaskan bahawa kaedah baru bagi sambutan Hari Belia Negara (HBN) telah diperkenalkan mulai tahun 2010. Berbanding sambutan tahun sebelumnya yang diisi dengan slot ceramah dan satu dua pertunjukan, HBN pada tahun 2010 telah menghimpunkan 88 acara di Putrajaya dan ia digunakan sebagai medan Kerajaan untuk menghampiri belia. Pada tahun 2012, pengisian program ditingkatkan kepada 500 acara. Memandangkan peruntukan Kerajaan berjumlah RM2 juta masih dikekalkan sebagaimana tahun sebelumnya, sebahagian dana diperolehi melalui sumbangan penaja sama ada secara *in-kind* atau tunai. Jumlah tajaan tunai yang diterima pada tahun 2012 dianggarkan berjumlah RM2.30 juta dan jumlah tersebut adalah mencukupi untuk membayar artis K-Pop. Pada tahun 2012, artis K-Pop telah dijemput mengadakan persembahan bagi tujuan menarik belia untuk mengunjungi HBN. Ini disebabkan artis K-Pop dapat menarik golongan muda dari semua kaum iaitu Melayu, Cina dan India. Bagaimanapun, artis tempatan lain turut sama dipanggil untuk mengadakan majlis pada sambutan Hari Belia Negara 2012.

Kos untuk membawa masuk 3 kumpulan artis K-Pop yang dikategorikan sebagai *top 10* adalah berjumlah RM0.9 juta. Pembayaran kepada artis K-Pop yang dibangkitkan oleh pihak Audit berjumlah RM1.60 juta adalah termasuk bayaran lain yang terdiri daripada antaranya pengangkutan; penginapan dan cukai.

Mantan Yang Berhormat Menteri selanjutnya menjelaskan bahawa program perlu dinilai berdasarkan *outcome* dan bukannya output yang dihasilkan. Penilaian perlu dibuat terhadap pulangan dan bukannya

perbelanjaan yang dilibatkan. Berdasarkan kepada kajian yang dibuat oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM), didapati purata perbelanjaan dianggarkan berjumlah RM130 bagi setiap pengunjung.

Bagi isu yang dibangkitkan mengenai pembayaran tunai kepada 19 pegawai melibatkan sejumlah RM1.26 juta, mantan Yang Berhormat Menteri memaklumkan bahawa ia terkeluar dari topik yang dibincangkan kerana ia melibatkan program di Sarawak. Tunai diperlukan oleh pegawai disebabkan program yang dianjurkan melibatkan daerah yang tidak mempunyai kemudahan perbankan. Ketua Pengarah JBSN selanjutnya memaklumkan bahawa pembayaran tunai tersebut meliputi *event* daripada 71 tempat di Sarawak yang dibuat secara bersama antara JBSN dan NGO. Mantan Yang Berhormat Menteri selanjutnya mengulas mengenai pembayaran tunai kepada pegawai dibuat atas faktor logistik, di mana kakitangan Kementerian berada di mana-mana berbanding kakitangan MBM. Ketua Pengarah JBSN selanjutnya memaklumkan bahawa penambahbaikan kepada garis panduan pemberian bantuan sedia ada telah dibuat berdasarkan persetujuan bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

Mantan Yang Berhormat Menteri selanjutnya menjelaskan kepentingan penggunaan media *online* sebagai mod baru dan perkhidmatan *bloggers* untuk mendekati belia berbanding pendekatan lama yang dianggap *old fashion*. Selanjutnya Ketua Pengarah JBSN memaklumkan bahawa MBM ada menyediakan laporan mengenai HBN sebagaimana prosedur ditetapkan.

Ulasan Audit:

Berdasarkan Penyata Kewangan Teraudit MSN Tahun 2012, dana tajaan untuk HBN yang direkodkan oleh MSN adalah berjumlah RM1.22 juta berbanding sejumlah RM2.30 juta sebagaimana

kenyataan Mantan Y.B. Menteri di Mesyuarat PAC. Walau bagaimanapun, berdasarkan rekod Penyata Kewangan Teraudit tersebut, tiada rekod dalam MSN, sebarang bayaran untuk pembayaran artis K-Pop. Bayaran K-Pop dibuat oleh Majlis Belia Malaysia (MBM) melalui peruntukan daripada Kementerian Belia dan Sukan untuk program Hari Belia 2012. Selain itu, didapati tiada laporan lengkap mengenai HBN disediakan oleh MBM sehingga pengauditan selesai dijalankan.

5.0 RUMUSAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

5.1. Bagi tujuan pembayaran artis K-Pop, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) mengambil maklum bahawa perbelanjaan tersebut dibuat bagi menarik golongan muda datang ke program tersebut dan pulangan yang diterima oleh Kerajaan seperti yang dinyatakan oleh mantan Yang Berhormat Menteri Kementerian Belia & Sukan. Bagaimanapun, PAC mengesyorkan pengiraan *outcome* dapat diperincikan, berdasarkan asas yang lebih kukuh. Ini kerana berdasarkan edaran dokumen yang dikemukakan oleh KBS, anggaran pulangan diterima daripada perbelanjaan pengunjung sebagaimana Kajian Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia adalah berjumlah RM322 juta (mengambil kira seramai 2.48 juta pengunjung dengan perbelanjaan minimum setiap pengunjung berjumlah RM130). Selain itu, sungguhpun ahli PAC menyokong pendekatan *online* media, namun pengukuran metrik yang sesuai khususnya terhadap *blogger* perlu dipertimbangkan.

5.2. PAC juga mengambil maklum dan menghargai pendekatan baru yang digunakan oleh KBS. Namun, peraturan kewangan Kerajaan sedia ada perlu dipatuhi dalam melaksanakan program Kerajaan, ditambah lagi dengan *sense of accountability* yang rendah

khususnya di kalangan NGO. Sebagai contoh, pembayaran balik tunai kepada pegawai KBS oleh NGO adalah isu serius yang perlu diberi perhatian dan menunjukkan *improper payment*. **Peranan Pegawai Pengawal dalam menguruskan peruntukan Kementerian hendaklah diperketatkan.**

5.3. Selain itu, sungguhpun pihak PAC sedia maklum mengenai masalah praktikaliti yang dihadapi oleh KBS dalam pemberian tunai kepada pegawai, amalan tersebut membuka ruang kepada disalahgunakan sekiranya tidak ada *audit trail*. Sekiranya KBS mempunyai masalah praktikaliti mengenai pematuhan terhadap prosedur sedia ada, pengecualian daripada Perbendaharaan perlu diperolehi. Berhubung isu pembayaran artis antarabangsa menggunakan peruntukan Kerajaan, terdapat percanggahan antara ahli PAC sama ada ia boleh menggunakan peruntukan Kerajaan atau melalui tajaan. **PAC bersetuju bahawa MBM telah dipertanggungjawabkan untuk mengurus sebahagian daripada pembayaran Hari Belia Negara 2012, termasuk untuk pembayaran artis K-Pop.**

Ulasan Audit:

Terdapat percanggahan fakta antara makluman KBS mengenai perbelanjaan pengunjung berbanding kajian sebenar IPPBM. Jumlah perbelanjaan pengunjung yang dimaklumkan kepada PAC adalah berjumlah RM322 juta berbanding fakta kajian IPPM iaitu RM143.65 juta. Adalah didapati juga dapatan kajian IPPM belum diterbitkan kepada umum.

6.0 SYOR JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

6.1. Bagi tujuan penambahbaikan akan datang, ahli PAC mencadangkan beberapa perkara seperti berikut:

i. Dasar dan peraturan sedia ada Kerajaan perlu diselaraskan dan diubahsuai khususnya yang berkaitan dengan pendekatan *outcome based budgeting* dan *value for money*; dan

ii. Jabatan Audit Negara turut diminta untuk menilai semula pendekatan pengauditan yang digunakan khususnya berhubung aspek *outcome based budgeting* dan *value for money*.

6.2. PAC mengesyorkan Kerajaan mengambil tindakan *punitive* terhadap Pegawai Pengawal Kementerian Belia & Sukan dan pihak-pihak berkenaan yang gagal memastikan pembayaran yang dibuat oleh MBM untuk Hari Belia Negara 2012 mematuhi tatacara kewangan.

6.3 PAC mengesyorkan secara keseluruhan berkenaan isu *parking* di agensi Kerajaan ini, Kerajaan perlu mengambil tindakan terhadap Pegawai Pengawal yang masih menyalurkan peruntukan (*parking*) kepada agensi di bawahnya iaitu selepas tahun kewangan 2013. Bagi peruntukan yang telah disalurkan kepada agensi sebelum tahun 2014, Kerajaan perlu membuat penilaian semula terhadap penggunaan peruntukan tersebut ke atas projek-projek yang telah dirancang sama ada masih relevan atau tidak. PAC mencadangkan projek-projek berstatus belum mula, lewat jadual dan sakit bagi tempoh lima tahun harus dibuat penilaian semula. Seandainya didapati tidak relevan, kesemua peruntukan yang disalurkan (*parking*) itu hendaklah dipulangkan semula kepada Kumpulan Wang Disatukan.

Memandangkan pelaksanaan Perakaunan Berasaskan Akruan akan dilaksanakan pada tahun 2015 selaras dengan piawaian Perakaunan Antarabangsa yang diterima umum, amalan *parking* ini tidak akan berlaku lagi di bawah semua agensi masing-masing. PAC mengesyorkan agar pihak Jabatan Akauntan Negara mengambilkira perkara ini dalam penyediaan Penyata Kewangan berasaskan Perakaunan Akruan dan Jabatan Audit Negara dalam proses kerja pengauditannya bagi mengelakkan Sijil Berteguran dikeluarkan.

6.4 Agensi/NGO di bawah sesebuah Kementerian hendaklah menyediakan laporan kewangan yang tepat dan mengikut tempoh masa yang ditetapkan.

**Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara
Parlimen Ketiga Belas**

**SYOR
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA**

SYOR JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

PARA	PANDANGAN & SYOR
6.1	<p>Bagi tujuan penambahbaikan akan datang, ahli PAC mencadangkan beberapa perkara seperti berikut:</p> <p>i. Dasar dan peraturan sedia ada Kerajaan perlu diselaraskan dan diubahsuai khususnya yang berkaitan dengan pendekatan <i>outcome based budgeting</i> dan <i>value for money</i>; dan</p> <p>ii. Jabatan Audit Negara turut diminta untuk menilai semula pendekatan pengauditan yang digunakan khususnya berhubung aspek <i>outcome based budgeting</i> dan <i>value for money</i>.</p>
6.2	<p>PAC mengesyorkan Kerajaan mengambil tindakan <i>punitive</i> terhadap Pegawai Pengawal Kementerian Belia & Sukan dan pihak-pihak berkenaan yang gagal memastikan pembayaran yang dibuat oleh MBM untuk Hari Belia Negara 2012 mematuhi tatacara kewangan.</p>
6.3	<p>PAC mengesyorkan secara keseluruhan berkenaan isu <i>parking</i> di agensi Kerajaan ini, Kerajaan perlu mengambil tindakan terhadap Pegawai Pengawal yang masih menyalurkan peruntukan (<i>parking</i>) kepada agensi di bawahnya iaitu selepas tahun kewangan 2013. Bagi peruntukan yang telah disalurkan kepada agensi sebelum tahun 2014, Kerajaan perlu membuat penilaian semula terhadap penggunaan peruntukan tersebut ke atas projek-projek yang telah dirancang sama ada masih relevan atau tidak. PAC mencadangkan projek-projek berstatus belum mula, lewat jadual dan sakit bagi tempoh lima tahun harus dibuat penilaian semula. Seandainya didapati tidak relevan, kesemua</p>

	<p>peruntukan yang disalurkan (<i>parking</i>) itu hendaklah dipulangkan semula kepada Kumpulan Wang Disatukan.</p> <p>Memandangkan pelaksanaan Perakaunan Berasaskan Akruan akan dilaksanakan pada tahun 2015 selaras dengan piawaian Perakaunan Antarabangsa yang diterima umum, amalan <i>parking</i> ini tidak akan berlaku lagi di bawah semua agensi masing-masing. PAC mengesyorkan agar pihak Jabatan Akauntan Negara mengambilkira perkara ini dalam penyediaan Penyata Kewangan berasaskan Perakaunan Akruan dan Jabatan Audit Negara dalam proses kerja pengauditannya bagi mengelakkan Sijil Berteguran dikeluarkan.</p>
6.4	<p>Agensi/NGO di bawah sesebuah Kementerian hendaklah menyediakan laporan kewangan yang tepat dan mengikut tempoh masa yang ditetapkan.</p>

**AGENDA-AGENDA
MESYUARAT
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BIL 4/2013 PADA KHAMIS 21 NOVEMBER 2013
DI BILIK JAWATANKUASA 1, BANGUNAN PARLIMEN**

TARIKH / HARI / MASA	PERKARA	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT
<p align="center">21 Nov 2013 (Khamis)</p> <p align="center">10.30 pagi</p>	<p align="center">Perbelanjaan Bagi Hari Belia Negara 2012</p>	<p>1. Kementerian Belia & Sukan</p> <p>2. Yang Berhormat Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek [Mantan Menteri Belia & Sukan (2008 – 2013)]</p>

LAPORAN PROSIDING

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1,
PARLIMEN MALAYSIA
KHAMIS, 21 NOVEMBER 2013**

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Datuk Nur Jazlan bin Mohamed - *Pengerusi*
YB. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] - *Timbalan Pengerusi*
YB. Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]
YB. Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]
YB. Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]
YB. Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]
YB. Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]
YB. Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]
YB. Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]
YB. Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]
YB. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
YB. Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

Tidak Hadir [*Dengan Maaf*]

YB. Datuk Chua Tee Yong [Labis]
YB. Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]

URUS SETIA

Encik Che Seman Pa Chik [Setiausaha Bahagian Pengurusan Dewan]
Encik Amisyahrizan bin Amir Khan [Ketua Penolong Setiausaha (Perundangan dan Prosiding)]
Encik Nasrul Izani bin Ramli [Penolong Setiausaha I (Perundangan dan Prosiding)]

HADIR BERSAMA

Jabatan Audit Negara

YBhg. Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang [Ketua Audit Negara]
YBhg. Datuk Haji Anwari bin Suri [Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan)]
Tuan Haji Abdul Rashid bin Yaakub [Pengarah Sektor Audit Kerajaan Persekutuan]
Puan Mona binti Othman [Timbalan Pengarah Audit]
Encik Mohd. Shahrizal bin Mohd. Anuar [Penolong Juruaudit]
Cik Nurul Awatis binti Zuraki [Penolong Pengarah Audit]

samb/-

HADIR BERSAMA (*samb/-*)**Kementerian Kewangan**

YBhg. Dato' Haji Yusoff bin Yahya [Timbalan Pengarah Belanjawan (Sosial)]
Encik Megat Azleen bin Megat Ramli [Timbalan Setiausaha
Bahagian Kawalan dan Pemantauan]
Encik Dzulhili bin Dzulkarnain [Ketua Penolong Setiausaha
Bahagian Kawalan dan Pemantauan]

Jabatan Akauntan Negara

Dr. Yacob bin Mustafa [Timbalan Pengarah]

Jabatan Perkhidmatan Awam

YBhg. Dato' Amir bin Haji Abd. Hamid [Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan]

Unit Perancang Ekonomi

Encik Hasan Ismail [Timbalan Ketua Pengarah]

SAKSI-SAKSI**Kementerian Belia dan Sukan**

YB. Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek [Mantan Menteri]
YBhg. Datuk Jamil bin Salleh [Ketua Setiausaha]
YBhg. Dato' Mohid bin Mohamed [Mantan Ketua Setiausaha]
Encik Otman bin Arsahd [Setiausaha Bahagian Kewangan]
Encik Nor Azli bin Mohamad Daud [Timbalan Pengarah Rakan Muda]
Encik Mod Nadzri bin Haji Yaacob [Timbalan Pengarah II
Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara, Sepang]
Cik Nageswary a/p Thiagarajan [Penolong Pengarah]
Puan Aziah binti Ahmad [Ketua Komunikasi Korporat]
Cik Lizza Imelia binti M. Sulanah [Penolong Pegawai Perhubungan Awam]

Jabatan Belia dan Sukan Negara

Puan Hajah Hatipah binti Ibrahim [Ketua Pengarah]
YBhg. Datuk Borhan bin Dollah [Mantan Ketua Pengarah]
Encik Norazli bin Indzam [Pengarah Bahagian Pengurusan
dan Perkhidmatan Sokongan]
Encik Mohd Azhar bin Mokhtar [Penolong Akauntan II]

Majlis Sukan Negara

Encik Abd Rashid bin Yaacub [Pengarah Pengurusan]

Stadium First Sdn. Bhd.

Encik Roslan bin Salikon [Pengarah Urusan]

LAPORAN PROSIDING**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS, PENGGAL PERTAMA****Bilik Mesyuarat Jawatankuasa 1, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur****Khamis, 21 November 2013****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.46 pagi***[Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan bin Mohamed
mempengerusikan Mesyuarat]*

Tuan Pengerusi: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Yang saya hormati Timbalan Pengerusi serta Ahli-ahli Jawatankuasa PAC, Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang, Ketua Audit Negara bersama pasukannya, seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Pada hari ini kita ada agenda iaitu untuk membincangkan dan menerima keterangan daripada Yang Berhormat Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek, Menteri Komunikasi dan Multimedia dan juga mantan Menteri Belia dan Sukan, berkenaan dengan perbelanjaan Hari Belia Negara 2012 yang telah di*highlight* dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 2012. Akan tetapi sebelum itu, saya hendak ambil peluang kepada Jawatankuasa, sekiranya ada apa-apa perkara yang hendak dipertimbangkan lagi dan yang hendak dimaklumkan kepada Jawatankuasa, kita boleh mulakan macam Mesyuarat, *precouncil* dahululah ya?

Selepas habis Mesyuarat *precouncil*, kita minta Ketua Audit Negara untuk memberikan penerangan mengenai isu yang berkenaan dengan Hari Belia dan selepas itu kita akan panggil Yang Berhormat Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek beserta dengan Ketua Setiausaha Kementerian yang sekarang ini dan juga yang sebelumnya, untuk memberikan keterangan. Jadi, saya bukalah kepada jawatankuasa. Ada apa-apa perkara yang hendak dibawa lagi?

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Tuan Pengerusi, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Pengerusi: *Walaikumsalam warahmatullahi wabarakatuh.*

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Saya hanya hendak tanya mudah sahaja. Biasanya Laporan Ketua Audit Negara ini, sebelum dibentangkan akan dihantar dahulu kepada kementerian atau jabatan yang terlibat untuk mendapat jawapan balas mereka. Jadi, dalam kes ini adakah jawapan balas diterima daripada kementerian?

Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang [Ketua Audit Negara]: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, kalau diizinkan, pihak Jabatan Audit bersedia untuk memberi sedikit taklimat *how we go about doing the auditing on this case- as a background*, untuk pembentangan daripada mantan Menteri itu, *we are ready*. Okey, ya...

Seorang Ahli: Ya.

Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang: Yang Berhormat Tuan Pengerusi PAC, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Ahli-ahli PAC, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Kita ada sediakan *slide presentation* ya Yang Berhormat. Jadi, kami difahamkan tajuk perbincangan PAC pagi ini ialah mengikut notis daripada Urusetia.

Tajuknya ialah tentang "Perbelanjaan Bagi Hari Belia Negara 2012", tetapi saya perlu jelaskan di sini yang berkaitan dengan Laporan Ketua Audit Negara ialah kajian yang bertajuk seperti yang dipaparkan iaitu "Pengurusan Program Pemberian Bantuan Oleh Jabatan Belia dan Sukan Negara". Jadi maknanya, fokusnya bukan kepada Hari Belia Negara, ya. Kajian ini kita telah bentangkan dalam Siri 2, Laporan Ketua Audit Negara pada 1 Oktober yang lalu dan untuk makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, pihak Jabatan Audit Negara ada sekali-sekala membuat kajian tentang pengurusan geran ini kepada NGOs. Saya ingat, kita pernah buat kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dahulu. Di peringkat negeri pun kita ada buat kajian.

■1050

So, last year pada tahun 2012, kita pilih Kementerian Belia dan Sukan. *In future we will do* pengurusan geran *affecting other ministries*. Jadi, dalam membuat pengauditan itu, kita tentukan skop pengauditan. Pengauditan *normally you have to have a scope otherwise it is too wide*. *So*, dalam skop pengauditan kita ini, seperti yang selaras dengan tajuknya, kita gunakan tempoh tahun 2009 hingga tahun 2012. Jadi, kita *cover* beberapa NGO. Kalau kita tengok di situ ada 13 NGO, persatuan, pertubuhan, bukan sahaja di Kuala Lumpur atau Putrajaya tetapi di Johor, Sarawak dan di Pahang. *That is our scope*. Yang kita *cover* juga ialah Jabatan Belia dan Sukan di negeri-negeri juga bukan sahaja di HQ tetapi di negeri-negeri, *some of the states*. Jadi, kajian kita ialah bantuan Jabatan Belia dan Sukan kepada NGOs.

Next, jadi, kalau kita lihat di sini, dalam slaid ini, nama-nama NGO yang kita *cover* dan dalam banyak-banyak nama itu, ada satu NGO yang beribu pejabat di Kuala Lumpur. Namanya Majlis Belia Malaysia. Kalau di Sarawak itu lainlah namanya di Johor, NGOs lain. Jadi, antara NGO yang kita kaji ialah Majlis Belia Malaysia di mana sebahagian daripada geran yang diberikan kepada NGO ini ialah untuk Hari Belia Negara. Maknanya, MBM dapat geran daripada kerajaan menerusi jabatan, sebahagiannya untuk Hari Belia Negara.

Tuan Pengerusi: Penjelasan. Majlis Belia Malaysia ini yang Dato' Saifuddin bin Abdullah jadi Pengerusi dahulu?

Seorang Ahli: Dahululah.

Tuan Pengerusi: Samalah. *The group* yang samalah?

Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang: Kecuali orang Majlis Belia Malaysia.

Tuan Pengerusi: Yang Dato' Saifuddin itu bukan? *[Disampuk]* Yang Berhormat Lenggong pun... Ya, betul.

Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang: *I think*, ia antara NGO terbesar yang melibatkan belia di seluruh Malaysia.

Slaid seterusnya Yang Berhormat, dalam laporan ini, *Table* yang kita tunjukkan ini, dalam Laporan Audit 2012 Siri 2 itu, kita buat rujukan kepada Hari Belia Negara dan MBM yang menyentuh kepada *K-Pop* yang di bawah sekali itu, yang ada tanda merah itu *[Merujuk slaid 4]* Di situ ada fakta tentang pembayaran RM1.6 *millions* – Bayaran Artis *K-Pop* Sempena Himpunan Jutaan Belia 2012. Jadi maknanya, *there is one line reference to K-Pop, one line* sahaja. Isu yang kita bangkitkan dalam hal ini ialah isu sama ada perbelanjaan itu berhemat atau tidak berhemat. Itu sahaja isunya.

Next. Selepas laporan kita dibentangkan pada 1 Oktober 2013, pada keesokan harinya, Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, Yang Berhormat Tuan Khairy Jamaluddin, ada mengeluarkan kenyataan media tentang isu *K-Pop*. Dia mengesahkan bahawa konsert ini memang dibiayai oleh KBS kerana dia kata KBS terpaksa tanggung pembayaran konsert *K-Pop* sebab penaja tidak jadi menaja. *That was the excerpt*.

The next day, pada 3 Oktober pula, mantan Menteri Belia dan Sukan, Yang Berhormat Datuk Sri Ahmad Shabery Cheek, dipetik oleh beberapa *blog*, mengatakan dalam *Facebook* nya, mantan Menteri mengatakan Audit ini culas. "Culas" maknanya tidak rajinlah atau malas. Dia kata kita, Audit tidak *check* ada RM20 juta tajaan, *sponsorship* yang dimasukkan dalam akaun Majlis Sukan Negara untuk aktiviti Hari Belia. Majlis Sukan Negara ini bukan NGO. *It is a statutory body*. Jadi, ia terkeluar daripada skop kajian kita. Kita tidak sentuh pun. Jadi, isu yang dipetik oleh *Malaysiakini*, *Malaysian Insider* itu ialah kononnya dalam *Facebook*, mantan Menteri ada kata "Audit culas." Saya faham culas itu maknanya malasmalah sebab tidak *check* ada *RM20 millions* tajaan dalam Majlis Sukan Negara. *Then*, bila ini berlaku Yang Berhormat...

Tuan Pengerusi: Akan tetapi cuma Audit memang tidak tahu pasal hal inilah?

Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang: *I will come to that*.

Tuan Pengerusi: Okey.

Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang: So, bila kedua-dua kenyataan ini keluar dalam media, seolah-olah terdapat percanggahan dan saya dihujani dengan pertanyaan daripada media, "*Mana satu yang betul?*"

Jadi, saya terpaksa- *you all know me, I do not like to issue statement*, menjelaskan, *as far as we are concern*, dan kenyataan ini ada dikeluarkan. *Next slide* ya. Dalam kenyataan saya itu, saya kata, memang terdapat bukti *RM1.6 millions* bayaran dibuat untuk *K-Pop* menerusi Majlis Belia Negara, *because we have seen the documents*.

Jadi, Audit ini di tengah-tengah antara Menteri sekarang dengan Menteri dahulu. Jadi, kenyataan saya itu, kemudian. Bukan sebelum. Jadi, bukan pihak Audit yang timbulkan benda ini dalam media.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Tan Sri, dalam slaid yang itu, Tan Sri petikan naskhah "*Perbelanjaan...*" Ayat seterusnya, "*...Dan ia tidak pernah dipertikaikan mana-mana pegawai kementerian atau MBM sewaktu perbincangan dengan mereka ketika audit dijalankan*". Maknanya, mereka tidak ada kata duit RM20 juta ada sebenarnya tetapi masuk dalam Majlis Sukan Negara. Yang itu tidak dibangkitkan semasa itu?

Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang: Yang Berhormat, jawapan pada soalan Yang Berhormat itu di slaid selepas ini tentang kronologinya. Dalam kronologi ini, saya hendak menarik perhatian Ahli-ahli PAC, kita mula buat pengauditan *entrance* ini pada bulan Jun 2012, *immediately after* Hari Belia.

Dalam kronologi ini Yang Berhormat, ia menunjukkan berapa banyak masa digunakan untuk membuat pengauditan ini. Dalam pada itu, ada kenyataan bahawasanya perbincangan yang memang menjadi SOP kita dengan pihak kementerian, biasanya dengan KSU, pegawai-pegawai jabatan kementerian yang terlibat. So, maknanya ada *engagement* antara Audit dan biasanya kita buat pemerhatian, selepas buat pemerhatian, kita *submit* draf laporan dan selepas itu kita ada *exit conference*. Selepas ada *exit conference*, *final stage* ialah *confirmatory letter*. *There is almost the final draft*, hendak pergi *printing* pula, hendak pergi sembah kepada Agong.

Next slide, so sampailah kita muktamadkan pada bulan Julai tahun ini. *Almost one year the process* dan kita *submit* laporan kita kepada Agong pada 26 Julai. Jadi, saya ambil kesempatan di sini Yang Berhormat, sepanjang tujuh bulan mulai tarikh pemerhatian Audit itu, selepas kita buat pengauditan, kita buat *observation*, sehingga laporan dimuktamadkan, tidak ada sesiapa pun daripada Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Jabatan Belia dan Sukan, Majlis Belia Malaysia memaklumkan kepada Audit tentang perkara-perkara berikut.

■1100

Pertama, adanya penajaan daripada swasta menerusi badan berkanun seperti MSN.

Kedua, *K-Pop* ini telah mendapat persetujuan Jemaah Menteri, okey. Jadi dalam proses perbincangan maklum balas, kalau betul adalah penajaan ini, sepatutnya mereka boleh maklumkan kepada pihak Audit...

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]: Boleh saya jelaskan sedikit kalau saya hendak fahamkan, isunya ialah RM1.6 juta dibelanjakan daripada MBM, persoalan Audit ialah sama ada ini perbelanjaan yang berhemat atau pun tidak? Audit tidak pernah *question* sama ada duit ini datang daripada mana, betul atau tidak? Kalau saya hendak faham.

Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang: Kita berasaskan *payment* yang dibuat MBM...

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Akan tetapi *payment* itu *proper*, cuma persoalannya berhemat atau pun tidak?

Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang: Untuk *K-Pop*. *I will come back on the* perkataan "berhemat".

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Kedua, saya nampak macam Tan Sri percanggahan dengan kenyataan Menteri dengan Audit. Jadi, Menteri pula bagi tahu kata, *Audit suppose to look at MSN*, yang dapat RM20 juta...

Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang: Yang dapat RM20 juta...?

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: ...*But to you, that is not an issue. The issues that Audit pick up* ialah RM1.6 juta dibelanjakan *untuk K-Pop- is it good spend or not*, berhemat atau tidak? Itu sahaja *question* nya, bukan begitu?

Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang: Cuma saya hendak jelaskan tadi, percanggahan bukan antara saya dengan Menteri, percanggahan antara mantan Menteri dengan *Federal Minister*.

Tuan Pengerusi: Tidak, saya hendak *clear* satu benda sahaja hari ini. KSU dalam dia punya interaksi dengan Audit tidak pernah langsung cerita pasal penajaan dan sebagainya. Bagaimana Menteri cerita pula?

Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang: Tidak, tidak, itu urusan dalaman kementerian mungkin dia panggil pegawai dia, saya tidak tahu.

Tuan Pengerusi: Ini satu perkara yang saya anggap serius juga kalau perkara ini- pasal apa? Pegawai SO yang menguruskan hal-hal pembayaran dan sebagainya ialah Ketua Setiausaha.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: *Chairman*, itu saya kata. Ikut saya punya pemahaman Tuan Pengerusi, bila Audit ini dikeluarkan, persoalannya berhemat ataupun tidak? *But what happen was, after it is issued, and where is this money come from?* Mungkin dalam Audit, *it was not an issue because you will never asked where this money come from? You pick-up that there is RM1.6 millions spend*. Persoalan Audit berhemat atau pun tidak? Selepas itu bila Menteri sekarang kata, ini dibayar oleh KBS, Menteri lama kata ini daripada penaja. *I think those are after Audit. It would never pick up during Audit anyway.*

Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang: Benda ini keluar selepas laporan dibentangkan di Parlimen. So, sudah habis, Audit sudah habis.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Saya cuma hendak membetulkan *during your investigation, during your audit, I think you were never asked, "Where is this money come from?" Because you did not check the source...*

Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang: *Nobody informed us about the sponsorship.*

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: *No need to be informed pun.*

Tuan Pengerusi: *And you never heard about any interaction with the Minister about this?*

Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang: *No, no. I have not finished maybe once I have finished few more slides then some of your questions will be answered, okay?*

Because I want to go into the issue, apa itu perbelanjaan berhemat dari sudut Audit. So, dengan izin Tuan Pengerusi, we move on to the next slide. Dalam peraturan kerajaan kalau you refer to Pekeliling Perbendaharaan Bil.7, Tahun 2008 ada sedikit penjelasan tentang apa yang dimaksudkan "Perbelanjaan secara berhemat".

Saya petik di sini satu contoh, ini satu contoh sahaja, *"Penganjuran acara majlis kerajaan hendaklah dibuat secara sederhana dan dihadkan kepada perkara yang penting, yang tidak melibatkan perbelanjaan yang besar seperti sambutan besar-besaran dan pertunjukan pentas".* Okey [Disampuk] Memang *it is in the Treasury Circular...*

Tuan Pengerusi: Banyak majlis yang kerajaan anjurkan besar-besar ya. Bukan ini sahaja, banyak.

Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang: Akan tetapi ini Yang Berhormat, saya hendak jelaskan. *This is not 2008, tidak.*

Seorang Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang: *No, what I mean is, ini I just pick up one paragraph, ada lagi...*

Tuan Pengerusi: *It must be read with other peraturanlah.*

Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang: Okey so, *the next slide* ini ya. Saya hendak tunjuk kenyataan akhbar yang dibuat oleh mantan KSU. Dia kata dalam kenyataan dia, dia ada petik dalam *Metro* semua itu, dia kata *K-pop* ini kosnya pada RM900,000.

Tuan Pengerusi: Ini bila ini Tan Sri?

Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang: Ini pada 2012.

Tuan Pengerusi: *While you were doing the Audit on ministry?*

Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang: *No, no, immediately.* Masa Hari Belia itu...

Tuan Pengerusi: *Just before the date lah.*

Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang: *Already* ada dalam media, orang persoalkan kenapa *K-pop*? So, ada penjelasan daripada pihak kementerian, dia kata *"Perbelanjaan K-pop RM900,000 dan dibuat tajaan"*. Maknanya dekat situ duit kerajaan tidak pakailah. Akan tetapi bila kita buat kemudian pengauditan, kita ada bukti pembayaran RM1.6 million, itu sahaja.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: *Were you informed when you do the audit that this kenyataan, you were not informed too?*

Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang: *They did not inform but we are aware of this.*

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: *Were you aware of this statement during the audit?*

Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang: *Yes we were aware, it was in the newspapers.*

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: *No, no I know. During the audit...*

Tuan Pengerusi: *But, during the udit process, did you mention to him about this article, this statement?*

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: *Were you aware that this...*

Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang: *Kita tidak sentuh pasal Yang Berhormat kata tadi dari segi penajaan.*

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: *Tidak faham. Saya cuma hendak balikkan balik. Tadi Tan Sri kata during perbincangan, dalam Audit tidak ada sesiapa pun mention kata ini penajaan. Akan tetapi kalau kenyataan ini. That is why I said, were you aware during the audit that this kenyataan ataupun this kenyataan only been picked up bila benda ini jadi kelam kabut, then you trace balik.*

Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang: *Masa pengauditan kita tidak ada dimaklumkan tentang...*

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: *So, this is after benda jadi, okey.*

Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang: *Anyway, anyway...*

Tuan Pengerusi: *Tan Sri, usually during when you do the audit, any information that comes you will ask the person involve, what we call it?... About any info that you have, that is how the audit is being done, right?*

Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang: *Ya lah, bila kita berinteraksi dengan pegawai kementerian, kalau pegawai kementerian ada maklumat yang berkaitan sepatutnya beritahulah kepada kita.*

Tuan Pengerusi: *Akan tetapi Audit pun kena proaktif, tanya mereka juga.*

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: *That would not be a fair statement Tan Sri, because you know, we all audit the company. They will not say much what is not necessary, as I said the basic of the issues is RM1.6 million was spend, to the Audit tidak berhemat. It was never questioned dari mana datangnya duit ini? I am pretty sure that we also never ask, MBM ini, duit ini datang daripada mana, siapa yang bayar?*

Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang: *Ya tetapi bila kita dapat bukti ada pembayaran RM1.6 million, kita anggap itu bayaran kerajaan kepada K-pop. Itu sahaja.*

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: *Which is fair, that is fair...*

Tuan Pengerusi: Itu *fair* Tan Sri *but that statement was made one year- your finding must made a few months later*, apa semua kan? Maksud saya, saya pernah jadi *Audit Committee Chairman* Telekom. Kalau kita tidak tanya soalan memang tidak akan ada jawapan punya. Akan tetapi *it is not fair for us to make a judgment...*

Seorang Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Pengerusi: *This is not assumption, a judgment on somebody when we know of a fact at the time before and then you hendak make a judgment later.*

Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang: Okey, okey. Tuan Pengerusi, kalau kita *ignore* lah *this one* kenyataan daripada pegawai pengawal Kementerian, MSN- kenyataan KSU pegawai pengawal, *he is responsible for money of the ministry*. Okey, kita *ignore*. Ada dua sebab lagi sebab kenapa kita kata perbelanjaan tidak berhemat. Pertamanya, peraturan kerajaan khususnya Arahan Perbendaharaan. Keduanya, peraturan ataupun garis panduan jabatan sendiri mengenai pemberian bantuan geran kepada NGO. Jabatan itu sudah ada garis panduan dia sendiri macam mana hendak uruskan duit yang datang daripada kerajaan untuk disalurkan kepada aktiviti-aktiviti yang dibuat oleh NGO itu tadi.

Next slide. So, what happen dalam kes Kementerian Belia dan Sukan, Hari Belia ini. Daripada slaid itu kita lihat, proses pembayaran program pemberian bantuan. Jadi untuk Hari Belia Negara ini, ada ditubuhkan sekretariat dan juga Jabatan Belia sendiri memainkan peranan yang aktif dalam menguruskan Hari Belia. So, mereka bagi duit kepada NGOs, bukan sahaja pada Majlis Belia *but also other* NGO. Akan tetapi yang mengarahkan bayaran ialah daripada sekretariat ini. *"Saya bagi awak tetapi you cannot spend until you get instruction from..."*

■1110

Tuan Pengerusi: Siapa pengerusi sekretariat?

Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang: Ini pegawai daripada Kementerian, jabatan. So, dari segi bayaran ini Yang Berhormat, kalau kita tengok ada dua kategori besar di situ. Bayaran kepada Stadium First Sdn. Bhd. dan lain-lain pembekal ini *private sector*. So, dia orang ini dibayar secara tunai atau secara cek. Akan tetapi yang bawah itu yang menarik perhatian kita kerana bayaran juga dibuat secara tunai dan juga secara cek kepada pegawai kerajaan sendiri. Jadi, jumlah kita punya sampel itu 19 orang pegawai, jumlahnya RM1.26 *million*.

Tuan Pengerusi: Ini *direct* daripada MBM dan lain-lain ya?

Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang: Ini duit yang disalurkan melalui MBM.

Tuan Pengerusi: Dan lain-lain NGO's itu ya?

Seorang Ahli: Kepada pegawai jabatan?

Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang: *...The secretariat, mainly staff by government officers* [Disampuk] MBM ini, duit yang disalurkan melalui MBM.

Of course dia ada NGO's yang lain ya. So, kita dapati dalam hal ini Yang Berhormat amaun *running into million*, bayaran ini dibuat tidak teratur, terutamanya bayaran tunai kepada beberapa pegawai kerajaan yang boleh diragukan kerana tidak ada butiran yang jelas. Ini melanggar- *I must stress the word*, ini melanggar peraturan kerajaan. Kalau ikut garis panduan dan peraturan kewangan, MBM sepatutnya menyediakan laporan lengkap perbelanjaan. *That is a normal procedure, "I give you money, after the activity you must buat laporan berapa you spend, berapa balance, kepada siapa you bayar dan sebagainya."*

Jadi, MBM ini sepatutnya menyediakan laporan lengkap perbelanjaan dan yang pentingnya disertakan dengan dokumen-dokumen sokongan yang berkaitan. Akan tetapi ini tidak dibuat.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: *Total* Hari Belia itu kita tahu tidak berapa jumlahnya? Yang diuruskan oleh sekretariat ini.

Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang: Sebenarnya yang itu *per se* kita tidak tahu. Itu kena tanya pihak kementerian.

Tuan Pengerusi: Saya dimaklumkan juga Hari Belia ini, banyak kementerian lain juga yang hantar dia punya peserta dan dibayar oleh kementerian itu sendiri, betulkan? Ini *you just focusing on the KBS* sahaja, kan?

Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang: Kita fokus kepada Majlis Belia. Wang yang ada pada Majlis Belia.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: *Also* kepada sekretariat ini tadi, *two areas*. Satu, Majlis Belia. Kedua, sekretariat yang cara menguruskan wang itu ikut macam duit dia sahajalah, bagi dekat siapa ini?

Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang: Itu yang kita kata boleh diragukan. Saya tidak kata diragukan, boleh diragukan.

Jadi *next slide, we give the numbers*. Kita lihat peruntukan untuk Hari Belia Negara ini yang disalurkan kepada MBM ini RM7.92 *million*. Bagi lain-lain program untuk MBM ialah RM27.78 juta. Ini tidak ada kena mengena dengan Hari Belialah. So, yang relevannya ialah RM7.92 *million*.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang: *Total to MBM.*

Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]: RM27 juta itu, *for other things?*

Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang: *Other things, ya.*

Datuk Seri Reezal Merican: *It got nothing to do with...*

Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang: Jadi, yang *RM1.6 million for K-pop is part of the RM7.92 million* tadi. *Part of the RM7.92 million is the RM1.6 million paid to K-pop.*

Okey, *next* saya hendak tunjukkan garis panduan yang dibuat sendiri oleh jabatan itu pada bulan Disember 2008. Ini biasalah *for* NGO kalau dapat geran, dia akan *follow certain procedure* serta syarat-syarat, ini caranya. Misalannya dekat situ aktiviti yang tidak dibenarkan ialah pemberian aset, pembaikan, lawatan, kajian, penyelidikan tidak ada.

It must be proper recording permohonan dan sebagainya. Ada *transparency* lah. *The issue is transparency* ya. Jadi, sepatutnya urus setia tertakluk kepada garis panduan. Kalau dia tidak buat dia kena dapat kelulusan, *at least from Treasury* ataupun daripada Kabinet. *So, next slide.* Cara-cara siapa yang luluskan pembayaran pun ada dalam garis panduan itu.

Next slide, yang ini ya? Jadi, *taking these two*, peraturan yang tidak diikuti, pada pendapat Audit orang lain mungkin tidak bersetujulah. Kita kata perbelanjaan yang berkaitan dengan *K-pop* ini tidak berhemat *because* tidak ada *proper account being done* yang orang kata lengkap. *So*, kalau tidak hendak ikut garis panduan peraturan ini, sepatutnya mereka mendapat pengecualian daripada *Treasury*. *That is the normal procedure.* Jadi dalam kita bincang dengan kementerian...
[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara][Off record]

Dekat situ ada SPRM, di situ ada Peguam Negara, di situ. Benda ini kita bincang dan pihak kementerian mengaku masa itu memang duit dia tidak ikut peraturan.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Saya tambah *the Chairman*, saya tengok *roughly* itu satu, *I think payment management*. Pertama, *that is the major issue*. Kedua, macam Yang Berbahagia Tan Sri itu kata tadi *the accountability*. *They said how is the RM7.9 million being spent*, dan ketiga, *maybe what is the impact for the RM7.92 million spent to the country yet? Maybe these are the three areas* yang saya nampak ,yang bagi saya untuk saya hendak fokus ini. Terima kasih

Tuan Pengerusi: Satu lagi, dari segi dasarnya bila Tan Sri kata ada Pekeliling tahun 2008 itu kata, tidak boleh buat majlis [Disampuk] *So*, yang orang lain buat majlis itu pakai pekeliling mana Tan Sri? Kalau kementerian lain buat majlis, adakah dia orang pun langgar macam majlis yang besar-besar, adakah dia orang pun langgar peraturan atau tidak? Pasal apa mesti ada lain-lain peraturan yang- ya lah peraturan kerajaan ini memang kadang-kadang dia ada 'A' perenggan satu, 'A' perenggan dua yang macam kontraklah. Dia punya *last* sekali *one statement, you are liable for everything*.

Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang: Yang Berhormat, yang pihak lain itu saya tidak boleh hendak komen sebab kami tidak buat kajian. Saya hendak beri komen apa yang kami sudah buat kajian. Macam mana satu kementerian yang saya *mention* tadi itu, memang ada pelanggaran kepada garis panduan. *That was about* tiga, empat tahun dahulu kita buat kajian tentang Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat itu, *they got and have a lot of NGO's*. Jadi, yang itu saya boleh cakap sebab kita sudah buat kajian. Yang lain saya tidak boleh hendak buat komen sebab saya belum buat kajian. *I cannot say yes or no. I can't.*

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang: Akan tetapi bagi *high profile activity* macam ini yang melibatkan juta-juta ringgit, kalau ikut peraturan, *money* datang daripada pegawai kerajaan ada, *money* datang pada swasta pun ada. *There must be are proper accounting of thing*. Aset liabiliti mesti ada, dan disahkan.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Saya minta penjelasan. Bayaran kepada Majlis Sukan Negara, *is that the proper channel for penajaan?*

■1120

Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang: *That one* itu soalan lain dan *outside scope* pengauditan kami. *We never looked into* Majlis Sukan Negara dan orang kementerian pun tidak beritahu kita tentang tajaan yang dikatakan didapatkan oleh MSN. Jadi, kami tidak boleh ulas apa-apa, *because it is outside our scope*.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Akan tetapi untuk rekod, saya hendak tanya juga. Nombor satunya, kenapa? Sudah tentu itu nasihat atau arahan daripada Menteri atau kementerian. Okey. *You* bayar kepada Majlis Sukan Negara. Kenapa keputusan seperti itu dibuat? Kalau katakan sebagaimana yang kita dengar laporan itu, masuk ke Majlis Sukan Negara sehingga RM20 juta. Jadi, kenapa Majlis Sukan Negara tidak bayar kepada *K-pop*?

Datuk Seri Reezal Merican: Saya...

Dato' Kamarudin bin Jaffar: *Let me finish another question*. Ketiganya, kalau itu benar-benar berlaku, kenapa Menteri Belia dan Sukan hari ini pula, selepas Laporan Audit Negara sudah keluar, tidak *check* dan tidak selaras dengan Menteri yang lama. Dia *confirm* duit kerajaan dan tidak sebut pun duit Majlis Sukan Negara dan sebagainya. Keempatnya, *can we ask the Audit to therefore* audit Majlis Sukan Negara *or not, since they received RM20 million?*

Datuk Seri Reezal Merican: Terima kasih. Yang Berhormat Tumpat sebut tadi betul, *and I think* kepada saya, mula-mula saya ingatkan *K-pop* itulah- *that has always been at the back of my mind*. Akan tetapi macam mana Tan Sri sebut tadi, bila kita sebut Pekeliling Perbendaharaan, *as you said, cannot be read silo mindedly, secara silo. Of course, it got to be read together* dengan banyak lagi pekeliiling. Pekeliling Tatacara Perbendaharaan memang terlalu banyak.

Keduanya, kadang-kadang ia akan ada *exclusion* yang dibenar atau yang dibuat oleh sama ada Kementerian Kewangan ataupun- cuma menjawab kepada Yang Berhormat Tumpat itu. Saya kebetulan terdengar jawapan daripada Menteri Belia dan Sukan ketika menggulung. Beliau mengatakan bahawa, penajaan yang diperolehi bukan secara untuk satu program sahaja tetapi untuk keseluruhan Program Hari Belia Negara. Semua penajaan dimasukkan ke akaun di bawah MSN. *It was a 'precedence' before, and it has been done. Whether right or not*, benda itu dianggap betul dari segi tatacara dan sebagainya, saya tidak tahu.

Manakala, oleh kerana ada *shortfall*, yang penajaan itu *shortfall* untuk merangkumkan sekali *K-pop*, maka *that is why* perbelanjaan pembayaran itu dibuat oleh Kementerian Belia dan Sukan melalui sebagaimana yang dimaklumkan oleh Tan Sri tadi.

Cuma saya terkejut satu benda lagi selain daripada *K-pop* itu sebab *K-pop is more imprudently paid*. Akan tetapi Jabatan Belia dan Sukan bagi duit dekat MBM, *I was used to be a president of one NGO under MBM* itu, *but then MBM pay back to pegawai*. *I think that is absurd to me, completely absurd. That is not imprudently anymore, that is improper payment*. So, yang itu mengejutkan saya sedikit. Cuma kalau boleh saya tanya, ada *detail* atau tidak, sedikit? NGO manakah yang dibayar, yang membayar kepada- *is it MBM* ataupun anak-anak ataupun persatuan-persatuan yang dinaungi di bawah MBM?

Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang: Kita bab pembayaran kepada NGO ini ada *detail*, cuma yang relevan sahaja kita...

Datuk Seri Reezal Merican: *Problem* dengan NGO, memang betul. *A lot of NGOs in sense of accountability is very low. Receive money is easy but reporting back completely-* tidak pernah ada.

Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang: Kadang-kadang NGO ini secara umumnya, dia untuk aktiviti, dia buat program tetapi kadang-kadang dia bayar untuk gaji, dia tidak cukup duit hendak bayar kakitangan, dia gunakan duit itu. *I am not saying in this aspect*. Tidak ada ya, saya tidak cakap. *My observation based on previous, you know*.

Tuan Pengerusi: *I need to be clear on one thing today, because when the Minister comes in, we call him on the basis of perbelanjaan Hari Belia Negara [Disampuk] No, no, the biggest issue is perbelanjaan Hari Belia Negara. Now, I do not know whether he is prepared for what, Tan Sri has presented on the other matters*.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: *We are calling two parties, right? We should have called the ministry as well as the...*

Tuan Pengerusi: *Yeah, I know but...*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *The issue with the mantan Menteri only with the RM1.6 million, but issue with kementerian...*

Tuan Pengerusi: *No, no. The issue that Menteri was agreed to come on was perbelanjaan Hari Belia Negara in total. You see... [Disampuk] Ah! Not just the K-pop. The K-pop is you guys going out in the media [Ketawa] Ya lah but...*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *So, with regards the ministry, we can ask everything else that being...*

Tuan Pengerusi: *I do not know whether they are going to be prepared or not.*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *The ministry can ask on the Hari Belia.*

Tuan Pengerusi: *I know, but the topic today is just on Hari Belia.*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *I think it can be ask, the ministry. If they...*

Tuan Pengerusi: *No, no. If they are not prepared, then they will have to come next time. Okay. So, another issue is...*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *And also it is part of Hari Belia.*

Tuan Pengerusi: *Ya lah. Ya, I know but I do not want to basically derail from the actual subject matter, just in case that...*

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: *No, no but what the AG has tabled is not just Hari Belia, it is also about the policy, mostly about payment. It is also mostly about perbelanjaan tidak berhemat but...*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *It is payment for Hari Belia that is tidak berhemat.*

Tuan Pengerusi: *I know, I know. That's why I need to establish the subject matter today, so that we can focus. If not, we are going to go all over the place- number one, just to get clarification from you; number two, program seperti ini boleh diadakan?*

Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang: *Boleh, but follow the procedures. Itu sahaja.*

Tuan Pengerusi: *Ya lah. Maknanya, policy being followed, it is just a matter of prudent spending.*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *No, I think the policy is not being questioned here.*

Tuan Pengerusi: *No, dasar to do the function is there, it is just that the function was not done according to the considered extravagant.*

Tuan William Leong Jee Keen: *Tidak ikut garis panduan.*

Tuan Pengerusi: *That is what the subject matter is today.*

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: *Macam Tan Sri kata tadi, ia menimbulkan banyak kesangsian, cara perbelanjaan itu diuruskan. Kita tidak mempertikaikan Hari Belia itu.*

Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang: *Tidak ada.*

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: *Akan tetapi kita mempertikaikan cara perbelanjaan, management of the payment.*

Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang: *The flow of the money.*

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: *The flow of the money.*

Tuan Pengerusi: *So, that is why we focus on the perbelanjaan tidak berhemat and the flow of the money.*

Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang: *Akan tetapi Yang Berhormat, kalau diizinkan, my last slide is rumusan yang relating kepada kajian yang kita buat. Seperti saya kata awal-awal tadi, kita tidak buat- kajian ini bukan fokus kepada Hari Belia per se. Kajian kita tentang pengurusan geran kepada NGO. So, rumusan kami, kelemahan yang kita perhatikan yang ada dalam slide ini. Nombor satu, tidak ikut Treasury Instruction, Surat Pekeliling Perbendaharaan dan banyaklah.*

Kedua, tiada kelulusan khas yang saya mentioned tadi.

Ketiga, nampaknya NGO digunakan untuk 'parking' duit. Akan tetapi *it is okay, but you must have a proper SOP.*

Then, yang kita dapati dalam pengauditan, kebanyakan bayaran tidak disokong dengan dokumen sokongan. So, no audit trail and as to be expected, saya ingat kelemahan pengurusan fail dan rekod kewangan.

Jadi, sebagai kesimpulan Yang Berhormat, melalui isu pembayaran *K-pop* tadi ini, memang kita dapati terdapat kelemahan-kelemahan yang ketara yang perlu diperbetulkan bagi Hari Belia Negara yang akan datang. Itu sahaja. *That is our conclusion.*

Tuan Pengerusi: *Thank you very much. Then, I can frame, I can scope the hearing today for the people being called to answer. Kalau tidak ia too wide.*

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: ...KBS balik dengan *that conclusion, so that he can actually manage pengurusan money NGOs.*

Tuan Pengerusi: *Because, he is a new minister, new KSU. So, anyway ada soalan lain pada AG? Tadi Yang Berhormat Limbang ada cadangan apa hendak buat?*

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Tuan Pengerusi, sebelum nanti, semalam kita ada KLIA2 dengan KKIA. Sebelum kita buat rumusan, saya rasa *is it possible* kalau kita pergi melihat juga, *site visit on the KKIA* itu...

Tuan Pengerusi: *Site visit?*

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: ...Perkara-perkara yang disebut itulah.

Tuan Pengerusi: *So, at KKIA we go visit before we make our conclusion. KLIA2, you want make the visit first before we call them or call them first and then we visit?*

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: *You know what we are talking about.*

Tuan Pengerusi: *KLIA, you are the one who asked for it. I do not know how to scope the... [Disampuk] It is on our agreement because it is not under AG audit.*

■1130

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *...Subject to our combined agreement but I can scope it for you, not a problem and they are all valid scopes. I do not go out beyond boundaries [Ketawa]*

Tuan Pengerusi: *If thing goes wrong, you all take the responsibilities [Ketawa]*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *I can be a proxy to the Chairman, no problem.*

Tuan Pengerusi: *Eh! [Ketawa]*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *For the KLIA, we can do either. We can visit first, so that yang tidak faham perkara itu maybe after visiting can have a bit more understanding.*

Tuan Pengerusi: *No. When you go to visit, it is not just to visit to have a look all that, this and there...*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *Patut know the issue lah. Perhaps the meeting first, selepas itu pergi lihat then it is better. I am okay.*

Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang: Sebenarnya dua-dua boleh buat. Sebelum pergi KK, singgah di KLIA2 [Ketawa]

Tuan Pengerusi: Bukan Tan Sri untuk KK, Tan Sri sudah skopkan *the audit*, senang. Kita tidak ada masalah. Semalam pun kita dengar mereka beri keterangan pun kira memuaskan jugalah. Adalah perkara sedikit-sedikitlah. Akan tetapi KLIA, memang dia punya bajet *overblown by many times*. Macam *KK Airport, the amount is smaller* lah kira. *That is how I look at it.*

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Tuan Pengerusi, cuma satu lagi, di *KK Airport* semalam kita tengok, *because it is design and build*. Kedua, masalah kontraktor. Akan tetapi KLIA ini *it is all initiated by the same client, everything- the design, choosing of the site, the feasibilities number, calling for a tender. So, it is a completely different situation there.*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *Can we issue the debt?*

Tuan Pengerusi: *No. We do our research but our conclusion is not the same as yours.*

Beberapa Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Pengerusi: *That is why maybe we can have a visit to KK Airport dahulu, but we do on January. Maybe KLIA pun we can do at the same time tetapi maybe next week before we have our next briefing. We do just some housekeeping, and then we can decide what the scope of KLIA2 and please, put up your scope. Then, we see whether we agree or not.*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *No problem. I will be fair.*

Tuan Pengerusi: *Thank you.* Jadi kalau tidak ada apa-apa lagi, kita boleh teruslah dengan panggil...

Tuan Tony Pua Kiam Wee: Sebelum teruskan, *I getting my staff to-* ini kerana *I* ada buat soalan tentang isu ini di Parlimen, baru sahaja dijawab dua minggu lalu. Jawapan daripada kementerian– *I will bring the actual answer for everyone*, bertulis. Mengikut Kementerian Belia dan Sukan, pihak penaja– *it is repeating the same thing that we already know but in writing*. Pihak penaja yang setuju hendak menaja, selepas itu tidak menaja. *So, it is basically, so-called, broken promise.*

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Tidak menaja khusus *K-pop*.

Tuan Tony Pua Kiam Wee: Khusus *K-pop*, tidak menaja. *So, that was the official reply from the kementerian.*

Datuk Seri Reezal Merican: Dari kementerian *or by Menteri?*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: Kementerian *by Menteri, which is prepared by kementerian.*

Datuk Seri Reezal Merican: *In Parliament?*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *In Parliament. So, this is dalam Sesi Soal Jawablah. The official answer given by...*

Datuk Seri Reezal Merican: *During the penggulungan?*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *No, the Oral Question Answer session.*

Datuk Seri Reezal Merican: *I see.*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *This is the written reply. I will spread to everyone, so that everyone can...*

Datuk Seri Reezal Merican: *I think you got to take also the Hansard jawapan Menteri during penggulungan, which come later.*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *I got the written reply. This is what I have. The penggulungan I hear from you, but I did not see the...*

Tuan Pengerusi: *You can ask them later.*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *Sure. This is just something for you to refer to when you ask the question. This is jawapan daripada Parlimen.*

Tuan Pengerusi: *Okeylah. You are going to ask the question anyway. Okey.*

[Saksi-saksi dari Kementerian Belia dan Sukan mengambil tempat di depan Jawatankuasa]

11.38 pg.

Tuan Pengerusi: Hari yang bersejarah ini. Menteri datang *volunteer* sampai lupa *PAC Members* di sini *[Ketawa]*

Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang saya hormati Yang Berhormat Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek, Menteri Komunikasi dan Multimedia yang juga mantan Menteri Belia dan Sukan bersama dengan Datuk KSU dan bekas KSU, Yang Berbahagia Dato', seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Pada hari ini Yang Berhormat, saya mengalu-alukanlah tindakan Yang Berhormat untuk datang berdepan dengan kami. Selalunya kami panggil KSU sahaja. Semalam pun pada jemputan yang diberikan kepada Kementerian Pengangkutan pun diberikan kepada Ketua Setiausaha tetapi hari ini Yang Berhormat sendiri sanggup datang untuk menjawab isu ini. Yang Berhormat pun sudah biasa jadi Ahli PAC dan Yang Berhormat tahulah prosiding ini direkodkan secara verbatim. Jadi, jawapan-jawapannya pula akan dibukukan dalam laporan kami nanti. Saya berharap Yang Berhormat akan memberikan kerjasama yang baik kepada Jawatankuasa supaya kita dapat mendapatkan penjelasan untuk kebaikan rakyat.

Rakyat sekarang ini hendak tahu mengapa *K-pop* ini menjadi masalah sangat. Akan tetapi isu di luar itu *K-pop*, yang kita hendak bincangkan sekarang ini pada hari ini adalah isu perbelanjaan untuk Hari Belia Negara tahun 2012. Kita hendak fokuskan kepada:

- (i) dasar;
- (ii) hendak fokuskan kepada sama ada perbelanjaan pada Hari Belia Negara itu adalah perbelanjaan yang berhemah; dan

- (iii) kepada proses pembayaran yang didapati oleh Ketua Audit Negara tidak mengikut kepada pekeliling-pekeliling yang telah ditetapkan oleh Perbendaharaan dan juga oleh kementerian dan sebagainya.

Jadi, saya jemput Yang Berhormat untuk memberikan keterangan Yang Berhormat sebelum Jawatankuasa memulakan proses Q&A. Sila mulakan. Terima kasih.

11.39 pg.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek [Mantan Menteri Belia dan Sukan]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Yang Berhormat Datuk Pengerusi PAC, rakan-rakan Ahli-ahli PAC sekalian, Ahli-ahli Yang Berhormat, dan semua yang hadir pada hari ini.

■1140

Pertamanya, baik saya memperkenalkan, saya sendiri bersama dengan rakan saya di sini iaitu Yang Berbahagia Datuk Jamil bin Salleh, Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan yang sekarang ini, Yang Berbahagia Dato' Mohid bin Mohamed, bekas Ketua Setiausaha kerana banyak sejarah Hari Belia dan sebagainya di bawah kendalian beliau. Terdapat beberapa pegawai-pegawai kanan termasuk Datuk Borhan bin Dollah yang juga terlibat pelaksanaan Hari belia tahun 2012, dan juga Puan Hajah Hatipah binti Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negara. Kedua-duanya, satu mantan dan seorang Ketua Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negara sekarang. Pertamanya, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih di atas kesediaan Ahli-ahli Yang Berhormat Anggota PAC untuk menerima permohonan saya sebenarnya.

Saya memohon untuk mengemukakan dan menjelaskan beberapa perkara yang telah ditimbulkan oleh Jabatan Audit Negara yang telah menjadi isu yang kontroversi yang diperkatakan dalam akhbar, media dan juga di Parlimen. Berapa kali ditimbulkan terutama sekali oleh rakan-rakan daripada pembangkang, yang mana saya rasakan tidak manis sekiranya satu perkara yang sudah pun terjadi, walaupun ia berlaku pada zaman saya menjadi Menteri Belia dan Sukan. Akan tetapi ia ditimbulkan sekarang, yang saya rasakan banyak perkara yang saya mengetahui dari segi sejarah, dasar dan sebagainya tetapi saya tidak dapat menjawabnya kerana soalan biasanya ditimbulkan kepada kementerian yang ada sekarang. Saya duduk dalam kementerian lain dan saya tidak boleh untuk mengemukakan jawapan. Perkara-perkara yang mungkin tidak dapat dijawab oleh Menteri yang ada sekarang. Oleh sebab itulah saya rasakan sesuai, forum yang terbaik untuk saya menjelaskan perkara-perkara yang mungkin menjadi kesusutan dan sebagainya di forum ini.

Saya juga tidak berniat untuk menjadikan forum ini untuk berlawanan dengan Jabatan Audit Negara dan sebagainya kerana saya faham bahawa Jabatan Audit Negara mempunyai tanggungjawab yang tertentu.

Jabatan Audit Negara adalah merupakan suatu institusi yang penting di dalam sistem negara kita untuk melahirkan sebuah negara yang diasaskan kepada kerajaan yang baik. Kerajaan yang baik ialah kerajaan yang tahu menggunakan setiap sen rakyatnya, mematuhi prinsip-prinsip akauntabiliti dan juga saya tahu bahawa kerajaan yang baik juga ialah yang tahu bagaimana untuk mencari wang. Bagaimana untuk memberikan yang terbaik kepada rakyat dan sebagainya. Isu yang timbul di sini ialah berkaitan dengan pelaksanaan Hari Belia Negara. Izinkan saya untuk menerangkan sedikit latar belakang tentang sambutan Hari Belia Negara ini.

Sewaktu saya diamanahkan untuk menerajui Kementerian Belia dan Sukan dalam tahun 2009, pada tahun tersebut saya melihat tentang pelaksanaan Hari Belia Negara pertama yang diadakan di Melaka pada tahun tersebut. Saya dapati inilah tradisinya, bagaimana Hari Belia Negara disambut setiap tahun iaitu pada tanggal 15 Mei dengan menggunakan peruntukan kerajaan yang biasanya diperuntukkan untuk sambutan Hari Belia sebanyak RM2 juta. SOPnya mudah iaitu kumpulkan lebih kurang 20,000 orang belia di satu Dewan yang besar ataupun stadium. Kalau di Melaka itu di MITC ya. Kalau dikira 20,000 orang itu dengan kos perbelanjaan satu kepala lebih kurang RM100, dia punya pengangkutan, makan minum, baju dan seluar, topi, *goodies* dan sebagainya. RM100 seorang, 20,000 orang RM2 juta. Itu sahaja.

Di situ acaranya mudah. Mungkin ada sedikit persembahan dan yang lain itu ialah ucapan. Saya ingat pada waktu tersebut lebih kurang lima ucapan. Ucapan Menteri, ucapan Ketua Menteri Melaka, ucapan Ketua Belia, ucapan Menteri Belia dan Sukan, ucapan perasmian yang selalunya sama ada daripada Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan sebagainya. Kemudian, habis. Bagi saya, saya rasakan bahawa ini adalah satu cara lama yang tidak mencerminkan kehendak belia dan cara ini tidak kreatif. Cara yang menjadikan belia dikumpulkan untuk menjadi audiens untuk mendengar ucapan orang-orang tua, saya rasakan itulah cara yang tidak sesuai lagi dan saya lihat ia terlalu *politicize*, terlalu arahnya kepada politik ya. Saya rasakan itu patut dirombak. Saya perkenalkan kaedah baru iaitu dalam tahun 2010, yang pertama. Setahun selepas itu dengan menggunakan kaedah bahawa kali ini tidak ada lagi ucapan-ucapan tetapi kita mengadakan program secara *reverse* iaitu belia menunjukkan apa yang mereka hendak tunjuk, kata apa yang hendak dia kata dan kami di kalangan Menteri, anggota pentadbiran, pemimpin dan sebagainya datang mendengar dan melihat mereka.

Ini kerana selalu saya katakan, saya bayangkan pada anak-anak dan kawan-kawan saya, seperti kita ada anak-anak, mereka tidak suka orang tua berleter dan tidak suka orang tua banyak bercerita. Dia hendak kalau dia pandai menari kita tengok dia menari, kalau dia tahu melukis, dia melukis. Kalau dia tahu menulis, dia menulis dan kita tengok dia. Menghargai dia adalah

merupakan satu pendekatan yang saya rasakan sepatutnya diperkenalkan dalam konteks Hari Belia kita. Kaedah yang kita gunakan dalam tahun 2010 itu ialah tidak lagi mengumpulkan mereka dalam satu Dewan tetapi menggunakan Putrajaya sebagai suatu pentas yang besar.

Kita beritahu pada belia-belia, "*Kamu gunakan Putrajaya*". Tempat yang selama ini dianggap sebagai tempat yang dibina untuk golongan elit, pada pemikiran belia, untuk pegawai-pegawai tinggi kerajaan dan Menteri-Menteri mereka, seperti taman yang terpisah daripada masyarakat luar dan ia hanya untuk dilihat dan dijadikan monumen. Pada waktu itu, saya meminta pihak Kabinet untuk membenarkan pendekatan ini supaya seolah-olahnya kita menyerahkan beberapa hari dalam masa setahun kepada belia untuk menggunakan Putrajaya sebagai pentas dan medan mereka untuk melakukan apa yang dirasakan perlu oleh belia. Dahulu kalau ada tasik...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Dato' Sri, boleh saya *interject*? Dato' kata Dato' dapatkan keputusan Kabinet?

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Ya, saya dapat keputusan Kabinet.

Tuan Pengerusi: Secara bertulis?

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Secara bertulis.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Perkara ini dibawa kepada Kabinet bermula pada tahun 2010 untuk menggunakan pendekatan baru sebab saya katakan tadi ia sebagai taman yang indah, tidak boleh sentuh. Ada tasik, tidak boleh mengail, macam-macam. *Do and don't* terlalu banyak di Putrajaya pada waktu tersebut. Tidak boleh buat apa dan saya hendak tukar perkara ini, saya memerlukan persetujuan Kabinet. Kalau mengharapkan Perbadanan Putrajaya tidak dibenarkan kerana dia sudah ada peraturan-peraturan yang tidak boleh. Saya dapatkan keputusan Kabinet pada waktu itu.

Untuk membuat program ini saya beritahu pada Kabinet kerana pada tahun 2010 ialah tahun di mana ada berlaku kemelesetan ekonomi, banyak berlaku *budget cut* dan sebagainya dan bajet tahun tersebut juga yang sepatut RM2 juta dipotong. Kalau tidak silap saya RM500,000 atau RM1 juta sahaja untuk Hari Belia dan *in fact* saya beritahu, "*Do not worry Sir, saya tidak akan minta bajet tambahan untuk tujuan ini. Benarkan sahaja kita gunakan Putrajaya*". Saya minta semua Menteri terlibat bukan untuk memberi sebarang ucapan. Tidak ada yang datang pakai *coat, tie*, pakai batik dan sebagainya. Minta pakai *jeans, t-shirt* dan sebagainya.

Jadi sebagaimana kebanyakan belia, tengok apa yang belia buat. Kita menggunakan bajet kreatif pada waktu tersebut. *A creative budgeting*, di mana tidak ada satu peruntukan baru yang kita dapat, malahan dipotong peruntukan tersebut daripada peruntukan biasa. Akan tetapi *budget creative in the sense* saya katakan, bahawa banyak program yang memang sudah dibajetkan.

Sepatutnya dibuat di tempat lain, masa lain tetapi ada program-program yang saya katakan kita satukan, buat dalam masa yang sama di Putrajaya. Misalnya, peruntukan futsal, bina gelanggang futsal, ada yang tempat susah hendak buat, di Kuala Lumpur misalnya, cari tanah tidak dapat.

■1150

Okey, kita buat di Putrajaya sehingga kita mencari satu tapak di sana, boleh buat 11 gelanggang futsal di sana. Kita boleh buat *tournament* besar yang sepatutnya kita buat di tempat lain, kita buat di Putrajaya pada waktu Hari Belia. Impaknya pada waktu tersebut, mereka datang. Kalau di luar pun dia kena bayar, di situ dia datang, dia bayar, dia berkhemah di situ. Terdapat kalau saya tidak silap saya tahun itu, 1,000 lebih *teams*. Satu *team* 10 orang datang. Itu sahaja sudah lebih daripada 1,500 *teams*. Saya ingat yang tahun tersebut kita membuat 24 hours futsal, 15,000 orang tanpa saya mengeluarkan kos baru untuk memenuhi *target 20,000*.

Semua program besar misalnya, Jambori Pengakap memang sudah ada peruntukan. Kita kata buat di Putrajaya dan impak yang besar, 10,000 Pengakap. Tahun yang pertama saya ingat 5,000. Tahun yang kedua iaitu tahun 2011, tahun 2012, 10,000 Pengakap datang. Semuanya mengadakannya di Putrajaya di samping mereka ada tetapi mereka mudah kerana untuk datang Putrajaya, kita gunakan mereka untuk buat kerja-kerja *volunteer works* dan sebagainya. Kesannya tahun 2010, kita mendapat kira-kira kehadiran 200,000 orang, *instead of 20,000* orang. *Instead of* satu program hanya penuh dengan ceramah, hanya satu atau dua *show*, kita ada 88 acara diadakan di Putrajaya pada tahun 2010, 88 acara. Saya ingat lagi, dengan sukannya, dengan ada kerohaniannya, ada forumnya, ada keseniannya dan sebagainya dalam tahun 2010.

Ini saya hendak beritahu sejarah macam mana ia bermula dan tidak ada bajet tambahan yang kita gunakan untuk tujuan tersebut. Tahun 2011, kita tingkatkan lagi, orang sudah mula yakin. Dahulu saya berhadapan dengan belia sendiri tidak yakin bahawa ia boleh berlaku dan dia merasakan itu kebanggaan. Mereka boleh seperti menakluki Putrajaya bagi mereka pada waktu tersebut dan dia bersetuju untuk membuat lebih impak pada tahun 2011, kita ada 200 acara dengan kehadiran satu juta orang. Tahun 2012 yang menjadi kontroversi sekarang ini, kita dapat *clocked in*, kita tambah lagi masanya kepada lima hari. Selalunya kita tiga hari dua malam, masa itu kita buat lima hari. Lebih banyak masanya kerana ramai pihak yang ingin mengambil kesempatan. Misalnya kami berpendapat untuk menghampiri belia, tidak boleh bergantung kepada satu Kementerian Belia dan Sukan.

Kita di Kementerian Belia dan Sukan mempunyai bajet hanya 1% daripada keseluruhan perbelanjaan tetapi jumlah belia ialah lebih kurang 42%, umur 15 tahun hingga 40 tahun. Yang mesti kita kongsi menggunakan platform Hari Belia ini untuk kementerian-kementerian belia yang juga mempunyai sektor ataupun tugas mereka untuk menggunakan platform ini untuk menghampiri belia. Misalnya, saya katakan bahawa Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, ia ada

bahagian *Youth MAHA* belianya untuk menggalakkan belia bertani. Gunakan platform ini untuk buat pameran, untuk buat jualan, untuk buat promosi dan sebagainya. Kementerian Pelajaran, itu semua belia.

Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Pertahanan misalnya, kerana pengalaman dalam tahun 2011, mereka membawa sedikit aset, dengan kereta kebalnya, dengan meriamnya dan sebagainya, ia menimbulkan semangat patriotisme, seramai 3,000 orang datang mendaftar untuk menjadi Askar Wataniah.

Jadi, tahun 2012, dia kata kalau begini, kita tidak perlu tumpu hendak buat *open day* kita, datang ke Putrajaya, impak lebih besar. Maka, Menteri Kementerian Pertahanan bawa aset mereka lebih besar lagi dan Kementerian Sumber Manusia, dia hendak buat kempen *Job Fair* misalnya, datang pada waktu tersebut. KDN, Kementerian Kesihatan hendak menggalakkan orang menyertai Muda RELA dan sebagainya. Tabung Haji misalnya, dia hendak menyuruh orang mendaftar.

Pada waktu tersebut, kita katakan bahawa konsepnya pelbagai, kerajaan hendak menghampiri belia boleh gunakan medan ini. Swasta, kita beritahu bahawa, "*You want youth market, kalau anda mahukan pasaran belia, this is pasaran belia yang terbesar. Kalau hendak buat sendiri, it will cost more. It cost more for you*". Ini pasaran belia. Kita sudah buat tahun 2011, sejuta orang. *Now*, kita akan tambahkan kita punya profil kepada 500 acara. Tahun 2012, 500 acara atau *500 events* dan setiap satu *event* itu besar, sebahagiannya *being sponsored*, sebahagiannya *half sponsored*, sebahagiannya dibayar oleh kerajaan dan sebagainya ataupun dibuat oleh kementerian yang berkenaan.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Dato' Sri, saya sampuk sedikit. Tahun 2011 dan tahun 2012 itu bajet kerajaan untuk Hari Belia ini, adakah ditingkatkan daripada RM2 juta tadi ataupun masih kekal?

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih. Sehingga tahun 2012, saya tetap pergi ke Kabinet, setiap tahun saya bawa *paper* baru untuk mengemukakan pelan baru dan setiap tahun saya beritahu saya tidak mahu bajet baru. Peruntukan sama, tetap RM2 juta sebab saya punyai keyakinan bahawa ramai orang akan menggunakan platform tersebut. Kita hanya, istilah saya katakan seperti 'tauke panggung' lah. RM2 juta sebagai *basic* yang kita gunakan untuk logistik, banyak program datang pada waktu tersebut, *sponsors* juga datang dan saya yakin bahawa *sponsors* datang.

Dalam tahun 2012, misalnya jumlah *sponsors* yang datang pada tahun 2012 yang jadi ini, *sponsors* swasta. Swasta *means* dia datang ambil kesempatan dan membawa *crowd* mereka. Sebahagiannya saya mengatakan *Standard Chartered*. Ia terkenal dengan *Standard Chartered Marathon*, diadakan *KL Standard Chartered Marathon*. Ia ada *target* hendak 20,000 orang. Akan

tetapi ia pergi pada waktu tersebut, ia kata, ia hendak tarik *crowd* pada Hari Belia, dia membuat *Standard Chartered Fund Run*. Ia bawa 5,000 orang *crowd* pada waktu tersebut, dia belanja, sesen pun kita tidak bayar.

Saya sebutkan NAZA misalnya. Ia hendak perkenalkan kerana kereta NAZA ini pasaran belia, dianjurkan beberapa program yang bersifat dengan *drift* pada waktu tersebut, *extreme car* dan sebagainya *sponsored by NAZA*. Ia dapat bawa sebilangan yang besar.

Kita ada *EKIDEN Run* yang selalu kita buat bersama dengan Jepun, menganggap bahawa tiba-tiba menjadi program yang sangat besar. Ia bawa *EKIDEN Run* semasa itu 5,000 hingga 6,000 orang yang datang. Sebagai contoh saya beritahu, ada dari Jepun datang Momoiro Clover. Dia tahu program ini besar, dia bawa orang dari Jepun, orang Jepun dari Singapura, semua datang pada waktu itu dan program menjadi *international*.

Pada tahun 2012, saya beritahu bahawa— saya tambah lagi ini, takut saya terlupa. Kita *combine* satu program yang sebelum ini telah dipersetujui oleh Kabinet untuk diadakan sepatutnya pada bulan Mac iaitu Festival Belia Kreatif yang sepatutnya diadakan pada bulan Mac di Bukit Jalil.

Saya minta supaya ditangguhkan ini, dimasukkan bersama ke dalam tahun 2012, semua acara kreatif, maknanya kita katakan siapa *the best creative* dalam pelbagai kebudayaan kita. Siapakah yang kreatif daripada segi nyanyian, seni, di kalangan orang Melayu, orang Cina, orang India dan lain-lain, kita bawakan bersama. Pada waktu itu kita *combine* dua program yang besar dalam masa yang sama, impak yang lebih besar. Oleh sebab itu jumlah kehadiran yang telah kita perolehi, kita rekodkan berdasarkan audit kita, macam mana kita buat sistem untuk mengukur kehadiran.

■1200

Tahun 2012, kira-kira 2.4 juta orang datang dengan 500 *events*, *sub event* yang besar datang dan jumlah penajaan yang kita dapati bahawa penajaan swasta datang mengambil peranan seperti *Standard Chartered* dan sebagainya, banyak program yang mereka bawa sendiri dan sebagainya, lebih kurang RM26 juta. Tajaan dari segi *in-kind*, dia tidak beri duit dan sebagainya, tetapi dia bagi air, dia bagi *sim card* misalnya ya, kalau Maxis, Celcom, pasaran belia. Dia bagi pakej dia dan sebagainya, RM1.9 juta. Penajaan dari segi *cash* yang kita dapat sebanyak kira-kira RM2.26 juta, masih saya ingatlah. Lebih kurang RM2.3 juta.

Isu yang kita timbul ialah *K-pop*. Saya minta supaya orang tidak melihat program ini program *K-pop*. Tidak ada program yang kita kata kita pergi Kabinet untuk program *K-pop*. Tidak ada bajet untuk *K-pop*. Programnya ialah Program Hari Belia. Kalau saya katakan perlu ditengok, mesti dilihat semua.

Pada waktu tersebut, kita katakan untuk menjadikan program ini tidak dilihat kehadirannya satu kaum sahaja kerana berdasarkan pengalaman pada tahun-tahun yang lepas, berdasarkan pandangan siapa dia penyanyi Cina pada waktu tersebut yang boleh menarik orang Cina datang,

kawan-kawan saya kata tidak ada. Penyanyi Cina yang orang Cina akan datang sanggup daripada Kuala Lumpur pergi tempat yang tidak ada *public transport*, tidak ada sebagainya, hendak pergi.

Pada waktu tersebut dikatakan tidak ada. Mereka katakan bahawa minat orang pada waktu tersebut untuk menarik semua, kalau dia datang, orang Cina datang, orang Melayu datang, orang India datang ialah **K-pop**.

Okey, saya buat keputusan, saya kata ini keputusan saya, tidak apa kerana kalau ini dapat menarik, apa salahnya? Cumanya saya minta KSU cuba fikirkan yang terbaik siapa dia. Saya tidak tahu siapa yang terbaik. Maka menurut rundingan mereka, dia dapatkan pakej yang terbaik iaitu tiga kumpulan, saya tidak sebut sini, saya pun tidak ingat apa, *Dal Shabet*, *Teen Top*, *whatever* iaitu tiga kumpulan yang *top 10* daripada Korea pada waktu itu, ia dianggap *top 10* di sana. Saya hendak panggil, kalau yang ramai lagi bolehlah, saya panggil Rihanna, panggil Justin Bieber, mungkin juta-juta lagi. Yang ini dianggap paling murah kalau datang, panggil pakej tiga ini iaitu sebanyak USD100,000 lah, maknanya dia Yuen, berapa juta Yuen. Maknanya lebih kurang USD100,000 satu, iaitu kosnya lebih kurang RM900,000 pada tiga kumpulan ini. Ini dianggap ini adalah pakej yang terbaik. Impak kesannya kerana sebab ia ambil masa dua hari, kedua-dua ini dapat tarik orang. Apabila datang K-Pop, dia pergi ke gerai, dia pergi tengok program lain.

Ketiganya pada hari yang terakhir itu kita juga menjemput artis tempatan. Saya ingat *rockers* tempatan Awie, Amy dan sebagainya pun memberikan kesan yang bagus kepada yang lain. Ini kerana pada waktu tersebut itu juga kita telah mengundang kalau tidak silap saya lebih kurang 400 orang artis-artis tempat lain yang juga kita bayar mengikut *market rate* masing-masing. Bukan kata kita utamakan daripada luar tetapi oleh kerana ramai orang kerana tertarik dengan ini, mereka juga akan pergi ke tempat lain dan sebagainya kerana kita membina lebih kurang 20 *pocket stage* pada waktu itu.

Pocket stage maknanya zaman sekarang ini kalau orang tengok TV, satu TV ada pelbagai perkara dalam satu TV itu sudah tidak menarik. Maknanya dalam TV itu ada berita, ada drama, ada sukan atau apa. Sekarang ini kalau orang hendak tengok *K-pop*, ada saluran *K-pop*. Kalau hendak tengok nasyid, ada tempat nasyid dia. Nak tengok dangdut, ada tempat dangdutnya. Nak ada kerohaniannya pun ada tempatnya dan pelbagai. Ada 20 *pocket stage*. *Jazz* ada tempatnya dan sebagainya. Jadi, pada waktu itu terlalu banyak.

Cuma isunya sekarang ini, apakah ianya berbaloi? Jadi, saya kata kalau program yang kita ingin antarabangsakan, saya kata kalau hendak murah, kita panggil M. Daud Kilau tetapi adakah orang muda hendak datang? Hendak murah. Isunya, apakah *sponsor* atau tidak *sponsor*? Kita mendapat *sponsorship* RM2.3 juta *cash*. Jadi, orang tanya kenapa tidak guna bayar *K-pop*? Sebab, kita buat perundingan itu awal lagi. Tidak boleh nak buat bulan lima, bulan lima itu baru buat perundingan. Kita dahulukan duit kerajaan. Kenapa RM1.6 juta, tidak RM900,000? Yang lain

itu bayar *tax*, tempat dan dia cuma RM900,000 sahaja. Yang lain itu adalah perkara-perkara yang kita katakan dibayar yang mendapat pulangan daripada tempatan kita, daripada dalaman.

Kita bayar *transport*, kita bayar kepada orang *transport* kita. Hotel dia, kita bayar hotel kita. Jadi, tidak ada kebocoran di sini tetapi impaknya memberi impak yang besar di mana kita katakan bahawa- kalau saya katakan, saya minta panduan di sini juga kerana saya berada di Kementerian Komunikasi dan Multimedia sekarang kerana di kementerian saya juga saya terpaksa menganjurkan banyak program-program besar. Kita tidak ada satu model dari segi bagaimana untuk menentukan *event* yang dianggap baik atau tidak.

Saya belajar misalnya, saya tengok antara model yang saya rasa saya boleh pelajari, *event* Scotland misalnya. Dia kata negaranya menggalakkan *event* sekiranya kalau orang hendak meminta pada kerajaan membantu satu *event*, kalau *I give you £1, you can bring back £5, government will support*. £5 ini maknanya pulangan kepada negara. Daripada orang hotelnya, orang makannya, orang beri dan sebagainya. *You can prove it*, tidak payah jumpa Menteri. Misalnya tahun depan tahun *Commonwealth Games* di sana. *Event Scotland* telah membuka siapa lagi hendak buat *event* lain yang boleh mengukuhkan kepada jenama *Commonwealth Games* ini, silakan, dan dia bantu dari segi bagaimana hendak dapat penajaan, promosi dan sebagainya.

Oleh sebab itu kita katakan bahawa antara perkara yang menjadi kriteria kepada sambutan Hari Belia ini, apakah ia memberi impak jumlah pekerjaan misalnya, jumlah perniagaan tempatan, orang belanja makan berapa? Kita dapati bahawa daripada kajian yang dibuat, daripada RM2.4 juta kalau diandaikan RM1.1 juta, ini kajian yang dibuat dan setiap RM1.1 juta *min spending* ataupun purata *spending* perbelanjaan yang telah dibelanjakan kira-kira RM1.1 juta sebanyak RM130 seorang. Dia pergi belanja makan, tempat tinggal, *transportation* mereka dan sebagainya, itu sahaja telah memberi pulangan kembali kepada negara sebanyak RM135 juta, lebih kurang begitu. Ini yang masih saya ingat.

Saya katakan bahawa ini baru tahun ketiga telah memberikan impak kepada RM135 juta pulangan dalam satu *event* yang dibuat begitu besar di Putrajaya dan kalau kita bina lagi dari segi *branding* di masa akan datang kerana kalau saya hendak bandingkan *Oktoberfest* di *Germany* dia bermula pada tahun 1811, sekarang ini enam juta orang datang. Pulangan besar. *Rio Carnival* dimulakan pada beratus tahun. Saya tidak akan boleh meneruskan perkara ini sekiranya tidak lama orang hanya ambil satu program sahaja tetapi tidak melihat keseluruhan program tersebut dan tidak dilihat daripada perspektif- kalau kerajaan sekarang kata, bajet *must be output based*. *Not output based but outcome based*. Kita jangan tengok berapa belanja, kena tengok berapa pulangan dia.

Kalau terdapat perbezaan antara pandangan audit yang menganggap *output* itu lebih penting daripada *outcome*, saya merasakan bahawa saya akan berhadapan banyak masalah dalam bagaimana, misalnya saya hendak menganjurkan sambutan merdeka tahun ini, saya

hendak katakan mungkin saya tingkatkan tetapi memberi kesan pelancong datang dalam masa yang sama, sempena dengan sambutan Tahun Melawat Malaysia dan sebagainya.

Ini kerana saya rasakan bahawa pihak Audit juga mesti melihat perkara ini secara menyeluruh, bukan satu program kerana program ini bukan program *K-pop*. Program ini Program Sambutan Hari Belia. Jadi, saya rasa itulah lebih kurang yang saya katakan bahawa saya mohon supaya bukan sahaja perkara ini dilihat tetapi PAC juga memberi panduan kepada saya. Ini kerana dalam kementerian baru saya ini juga saya juga akan terlibat dengan penganjuran banyak *event*.

■1210

Bagaimana mengumpul *event*, apakah perbelanjaannya ataupun aspek *outcome* ataupun pulangnya mesti dilihat sama. Terima kasih.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Boleh saya *start* sedikit Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: Biar saya rumus sekejap dahulu. Terima kasih Dato' Sri. Dari segi penerangan tadi Dato' Sri telah- ini saya kena *establish* ya. Dari segi dasar Dato' Sri kata dasar tersebut untuk mengadakan Program Hari Belia ini tidak ada masalah, diluluskan oleh Kabinet.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Ya.

Tuan Pengerusi: Cuma apa yang Dato' Sri minta adalah bahawa modul dasar itu ataupun modul pelaksanaan dasar itu diubah daripada sistem perbelanjaan sekarang ini kepada *system outcome-based*, pulangan. Jadi, ini juga memerlukan perubahan juga dari segi peraturan-peraturan kerajaan tertentu, yang sekarang ini mengehendkan potensi untuk hendak mengadakan program-program yang berdasarkan kepada *outcome based*. Adakah betul maksud Dato' Sri begitu?

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Ya benar. Ini salah satu aspek sebab di peringkat kerajaan kita telah mengubah cara berfikir kita. Dahulu dianggap bahawa kementerian itu bagus kerana dia sudah belanja 100% daripada peruntukan. Ini kurang kerana dia hanya belanja 50%, ini tidak berapa bagus. KPI nya jatuh kerana tidak belanja. Akan tetapi sekarang ini dikatakan jangan tengok hanya dari segi perbelanjaan tetapi mesti lihat dari segi *outcome* nya, pulangnya. Macam di *event Scotland it is not about* berapa banyak dia bagi akan tetapi *it is value for money*.

Berapa pulangan yang dapat dikembalikan, apa salah belanja RM10 juta kalau dia dapat RM100 juta balik, misalnya. Kalau cara lama RM10 juta itu mahal. Itu bukan bidang kami untuk tengok *outcome*. Ini kerana apa yang dibelanjakan itu lebih penting daripada *outcome*, hasil daripada perbelanjaan tersebut. Jadi, kita telah membina satu model baru. Kita anggap ini secara kreatif. Mungkin ada beberapa kelemahan kerana inovasi, kita mesti *tolerate* kesilapan. Itu aspek penting dalam inovasi. Kalau tidak, kita tidak berkembang. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Dato' Sri, Timbalan Pengerusi dia hendak minta balik dahulu. Jadi, dia hendak minta laluan hendak tanya soalan. Oleh itu kita bagi.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat. Sebenarnya Yang Berhormat itu, kita bersama lama dahulu termasuk di dalam PAC dulu ya.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Benar-benar.

Dr. Tan Seng Giaw: ...Kerana saya hendak berjumpa dengan Menteri di luar, kebetulan saya bukan orang pertama yang bertanya, biasanya yang terakhir. Hari ini kita terbalik sedikit. Oleh kerana ini satu konsep *outcome based*. Saya sebenarnya dari segi ekonomi tidak begitu konservatif. Saya pun mengalu-alukan cara terbuka, cara yang lebih liberal. Akan tetapi selain daripada acara-acara penajaan yang berbagai-bagai dan beraneka warna dan acara. Saya mengalu-alukan kalau terdapat pulangan lebih RM100 juta, kalau pada 10 tahun hadapan kita dapat RM1 bilion sebagai pulangan, itu saya tidak mempertikaikan.

Cuma Yang Berhormat, semasa kita melancarkan aktiviti seumpama ini, adakah Yang Berhormat anggap cara-cara dan pekeliling, arahan-arahan daripada Perbendaharaan dan juga daripada kementerian sendiri mestilah dengan seboleh-bolehnya dipatuhi. Mesti dipatuhi, kerana kita ada arahan, garis panduan dan peraturan yang tertentu. Kalau pun kita hendak *liberalize* kan, kita hendak memperbesarkan dengan *outcome* dan sebagainya, kita mesti ada garis panduan yang baru untuk menampung, berbaloi dengan hasrat Yang Berhormat.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih. Sememangnya saya kira bahawa – saya bersama rakan-rakan saya dalam kementerian pada waktu itu sentiasa mengingatkan antara satu sama lain, apa pun kita buat mestilah mengikut peraturan-peraturan kewangan yang sebagaimana kita persetujui bersama. Saya *concern* tentang perkara ini, ia tidak menyalahi. Ada dua tiga isu yang timbul. Misalnya, apakah keputusan kita berbelanja itu berdasarkan kepada tender atau tidak, itu sebagai contoh.

Ada perkara yang saya rasakan boleh *straight forward* kita katakan kita perlu tender. Ada yang memerlukan kreativiti kita. Misalnya hendak tender penyanyi, saya tidak tahu macam mana. Kita boleh buat *specification*, kita mahu penyanyi rock. Siapakah penyanyi rock paling murah sekali? Ini sentimen orang, saya tidak boleh kata, ianya mesti runding. Kita katakan penyanyi rock paling murah, orang carilah yang murah, dia bukan penyanyi tidak kenal akan tetapi dia boleh rock. Akan tetapi tidak ada orang hendak datang. *What is the point?* Dia ada *market rate* masing-masing dan ini perlukan perundingan sebab kita katakan bila dalam konteks keputusan yang dibuat, kita berasaskan kepada berapa, kalau hendak bayar Justin Bieber berapa, ini berapa, ini berapa.

K-pop pada waktu itu *based* pada *market rate* di sana, pakej tiga orang datang dan dikatakan kalau kerajaan hendak *government to business* (G2B), dia rasakan dia boleh bagi yang murah kerana perkara ini diberikan untuk lebih tujuan CSR. CSR pada waktu tersebut kita tidak kutip duit dan sebagainya, dia sanggup mengambil hanya RM100 ribu satu kumpulan. Satu kumpulan enam orang. RM100 ribu, satu kumpulan, tiga kumpulan USD300 ribu. Kita kena bercakap cara dia orang, *which is very cheap*. Kita katakan pada mereka. Saya katakan bahawa kalau hendak tender *K-pop* saya rasa tidak boleh cumanya dalam konteks Hari Belia tahun 2012

dan *in fact* 2011 lagi, ada perkara yang kita mengalami masalah. Pengalaman kita mengikut peraturan kerajaan biasa, misalnya dari segi pembinaan logistik, kanopi.

Oleh sebab program yang besar itu, satu perkara yang mustahak ialah logistik, tandas, kanopi, kebersihan dan sebagainya. Misalnya jumlah kanopi yang dipasang itu lebih..., saya rasa tujuh kilometer, Encik Mod CEO ya?

Encik Mod Nadzri bin Haji Yaacob [Timbalan Pengarah II (Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara, Sepang)]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Tujuh, lebih kurang tujuh kilometer *[Disampuk]* Lima kilometer, itu jaraknya. Akan tetapi jumlah disambung-sambung itu lebih kurang hampir enam kilometer jaraknya. Hendak cari Kuala Lumpur tak ada. Satu Malaysia, semua orang datang. Pengalaman kita pada tahun yang pertama dahulu, kita pakai tender. Kebanyakan yang datang kita tidak kenal, apakah dia sebagai pengusaha sebenar ataupun dia sebagai agen. Ramai datang sebagai agen dan dia menawarkan yang paling murah. Kalau pasang banyak ini, siap dengan kipas, ada *air conditioner*, kalau ada *air conditioner*, ada lantai dan sebagainya, dia katakan dia paling murah.

Kita kena bagi ikut peraturan kerajaan. Apa yang terjadi pada tahun yang pertama, program hendak mula malam itu – dia tidak sama tender dengan buat bangunan. Buat bangunan, kalau tidak siap kita boleh minta tangguh dua bulan lagi. Kita boleh buat. *Event*, hendak bermula malam itu, petang itu tidak siap sebab kalau hendak siap dia kena pasang ini, ini, dia kena tambah, dia rasa tidak ada untung, dia kata tidak hendak buat. Hendak mula program pukul 9 malam, hendak lancarkan yang pertama, *pre* untuk esoknya, pukul 7 malam *blackout* seluruh Putrajaya. Pengalaman kita yang pertama kerana rupanya dia tidak bawa generator set dia sendiri, dia ambil daripada *plug* Putrajaya, *blackout* seluruh Putrajaya.

Pada waktu itu program hendak mula malam ini. Kita terpaksa panggil generator set swasta untuk menyelamatkan kerajaan dan kita bayar mereka, sudah tidak boleh hendak *negotiate* lagi. Disebabkan pengalaman kita yang pertama, kita masuk yang keduanya, kita minta supaya dibenarkan beberapa aspek dalam ini. Saya minta ke Kabinet supaya dikecualikan dan diberikan rundingan terus kepada sebuah anak syarikat dalam Perbadanan Stadium untuk menguruskan secara rundingan terus supaya dari segi *efficiency*, dari segi harga, dari segi pelaksanaannya dapat dijalankan dengan baik.

■1220

Akan tetapi saya rasakan ia masih dalam peraturan kerana kalau ia lari daripada peraturan, tidak boleh tender, saya meminta kebenaran khas di sini daripada pihak Kabinet untuk membolehkan ia berjalan dengan lebih berkesan lagi. Itu sahaja.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Dato' Sri ya.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: ...Kementerian Kewangan ya.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Kita tadi mendapat sedikit taklimat daripada pihak AG. Pertama, AG melihatkan kes ini daripada segi *random audit* yang dibuat dan dilihat bahawa MBM telah pun diberikan tugas untuk menyelia keseluruhan program itu. Dalam kajian Audit ini MBM diberikan peruntukan RM7.9 juta untuk mengendalikan keseluruhan Program Hari Belia itu. Dalam pembayaran MBM itu timbul RM1.6 juta yang dibayar untuk *K-pop*. Saya ingat penjelasan Dato' Sri tadi berhubung dengan impak.

Saya ingat cukup teranglah, bukan hanya *K-pop* itu. Ia *part of the whole* program. Persoalan yang kita bincang tadi Dato' Sri ialah satu, *you said it right just now*, ia tidak boleh melalui tender. Akan tetapi pengurusan *payment* itu memberikan kesangsian sama ada duit itu diluluskan dengan cara yang baik. Contohnya, RM1.2 juta daripada MBM dibayar kepada 19 orang pegawai kerajaan, *cash*. Jadi, ini perkara-perkara yang AG rasa menimbulkan kesangsian. Dua, kita tidak hendak isu ini dibawa di peringkat bawah hingga memberikan gambaran bahawa pengurusan itu, walaupun programnya baik tetapi pengurusan kewangan itu memberi kesangsian bahawa ia disalahgunakan, ia tidak diuruskan dengan baik.

Ketiga, dari segi akauntabiliti. Contohnya, MBM mendapat RM7.9 juta ini, ia tidak ada laporan kembali daripada persatuan-persatuan belia ini. Saya faham kerana saya juga aktif dalam persatuan belia ini. Bukan senang untuk dapat *report* balik daripada apa yang dibelanjakan. Jadi, pemahaman saya Laporan Audit Negara lebih ke arah itu. Keempat, Dato' Sri sudah jawab tadi. Dasar baru ini ia dilihat tidak mengikut dasar dulu. Tidak boleh ada program dijalankan dengan perkongsian swasta. Akan tetapi ingat Dato' Sri jelaskan. Mungkin itu satu, dua *area* yang saya rasa lebih difikirkan Audit dalam keseluruhan perbincangan kita ini.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, boleh saya respons? Terima kasih. Ada dua, tiga perkara. Sebagaimana saya beritahu, kalau hendak senang, kita balik pada asallah. Guna RM2 juta, panggil 20,000 dengar ceramah politik. Saya rasa Audit tidak campur. Audit kata bagus.

Tuan Pengerusi: Jadi Yang Berhormat kata perkara itu berhemat atau tidak berhemat?

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Akan jadi berhematlah.

Tuan Pengerusi: Berhemat dari segi peraturan.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Berhemat dari segi peraturan.

Tuan Pengerusi: ...Peraturan kerajaan. Akan tetapi tidak berhemat dari segi...

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Belanja RM2 juta- bagi saya, saya malu. Kalau saya jadi Menteri, saya teruskan program yang macam ini. *It is not creative, it is not imaginative, it is not youth friendly* dan kita jadikan *youth* ini duduk depan dengar ceramah. Saya rasa saya malu kalau saya teruskan program itu. Akan tetapi dari segi Audit, itu betul kerana itu peraturan. Dalam soal ini saya katakan, dulunya kita selalu mengadakan program melalui MBM. Kalau kita buat program dekat katakan Rantau Panjang pun melalui MBM juga.

Kalau kita buat program mereka pun selalunya kita gunakan majlis-majlis belia, sama ada MBM atau majlis belia kampung, majlis daerah dan sebagainya. Akan tetapi sekarang ini kita banyak program itu *instead* dibuat masa lain, buat sekali, kita bayar melalui MBM juga. Oleh sebab MBM adalah rakan kita, kita tidak mahu- saya pun beritahu bahawa program ini jangan dilihat program kerajaan- *it is too governmental*.

Kalau Yang Berhormat tengok Hari Belia, tidak ada satu gambar Menteri pun. Saya sendiri pun tidak berucap dalam program. Orang tengok, saya tidak berucap pun dalam program itu, Menteri Belia dan Sukan pun kecuali Perdana Menteri datang untuk buat perasmian sahaja. Tidak ada lambang-lambang yang berkaitan dengan kerajaan dan sebagainya. Kita mengatakan bahawa, "*Please datang sini, ini bukannya propaganda, ini bukan tujuan politik dan sebagainya. You come here, kita dapat bersama, bersatu, bina sedikit patriotisme, bina keusahawanan*". Ada berapa ribu usahawan, kedai-kedai dan gerai-gerai yang berniaga. Berniaga makan, cenderamata dan sebagainya. Kemudian *volunteerism* yang paling banyak sekali berlaku. Kita diberitahu *volunteers* ini dia datang sendiri, makan kita bagi kupon, belanjalah tempat orang-orang itu. Guna kupon ini untuk belanja pada orang yang buka gerai ini. Ini saya beritahu.

Cerita yang bayar kepada 19 orang pegawai kerajaan, saya rasa bukan program ini. Mungkin ada program lain. Saya rasa ada program yang dibuat melaluinya di Sarawak tetapi saya rasa tidak hendak *open* cerita Sarawak ini kerana ini sudah keluar topik. Ini kerana ada perkara-perkara, misalnya hendak dibayar ke Kapit, Baram sana, hendak menggunakan cara LO biasa, pergi ke bank di sana, tidak ada bank. Jadi, kamu selesaikan, bawa duit ini, bayar mereka, *as long as* ada tanda harga penerimaan dan sebagainya. Saya rasa semua ada, penerimaan, mereka terima. Kalau ini menjadi masalah, saya rasa susah untuk kita dan saya rasakan mungkin ada kelemahan. Kalau kita kata, kamu yang di Baram, di Belaga dan sebagainya tidak boleh buat program. Kena ada bank hendak dimasukkan, kena ada peraturan dan sebagainya. Ada perkara yang kita terpaksa melalui kaedah-kaedah biasa, disalurkan melalui pegawai kita. Itu sahaja yang kita rasakan menjadi masalah.

Tuan Pengerusi: Itu hanyalah...

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Akan tetapi saya rasa saya tidak mahu bincang cerita di Sarawak.

Tuan Pengerusi: Bayaran-bayaran ini semua hanya berlaku macam kes Sarawak? Di tempat lain?

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Saya rasa di Hari Belia saya rasa tidak. Setahu saya tidak ada.

Datuk Seri Reezal Merican: Boleh saya tanya?

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Ya.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: RM7.93 million MBM itu, adakah untuk Hari Belia? Duit itu datang daripada kerajaan atau dia datang daripada *sponsor*?

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Ini tidak ada dalam – kalau saya lihat dalam teguran asal Audit, tidak ada. Ini tambahan.

Datuk Seri Reezal Merican: Yang Berhormat Menteri, boleh saya tanya? Sebenarnya, tadi kita dapat taklimat daripada Laporan Ketua Audit Negara. Sebenarnya, skop pengauditan, ia lebih tentang soal pengurusan program pemberian bantuan oleh Jabatan Belia dan Sukan Negara yang antara lain dalam jadual yang telah meletakkan perbelanjaan tidak berhemat. Di situlah bermulanya topik ini *diamplifykan*. Namun, saya juga merasa puas hati dengan penjelasan Yang Berhormat Menteri kerana berdasarkan daripada apa yang disebut *outcome driven* program yang telah dilaksanakan dan dengan perincian-perincian yang diberi. Akan tetapi apabila dibangkitkan oleh rakan-rakan, sebab itulah saya nampak macam barangkali Yang Berhormat Menteri *at the back of your mind* mungkin *you* tidak mempunyai maklumat tersebut.

Cuma satu perkara yang ditanya oleh sahabat saya tadi tentang pertamanya, *imprudently paid*, tidak berhemah. Satu lagi yang disebut tadi di mana sejumlah wang dibayar, yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri sedikit secara tidak langsung, apa yang berlaku di Sarawak. Apa yang saya hendak tanya ialah dalam kronologi pengauditan ini, sebelum ia dibentangkan, ada perbincangan susulan terakhir iaitu pada 14 Mac, Laporan Audit Negara tentang isu ini. Jabatan Audit Negara bersama dengan Ketua Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negara yang juga saya yakin membangkitkan benda-benda itu. Jadi persoalan saya, sewaktu perbincangan susulan terakhir tentang draf itu, apakah diperjelaskan barangkali oleh *the predecessor, if I may ask*, tentang perbelanjaan yang disebutkan sebentar tadi.

■1230

Dato' Mohid bin Mohamed [Mantan Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Pertama ialah tentang bayaran RM7.6 juta kepada Majlis Belia Malaysia. Memang sebagaimana Yang Berhormat Menteri sebut tadi, di dalam pelaksanaan Program Hari Belia Negara ialah merupakan kerjasama di antara kementerian dan juga Majlis Belia Malaysia. So, di dalam perbelanjaan, sebahagian daripada- sebagaimana yang disebut di awal tadi, banyak program yang sepatutnya dilaksanakan di tempat lain ataupun di tempoh yang berbeza tetapi dibawa ke Putrajaya. Bajet ini diberi di bawah pecahan Kepala 42 ataupun pemberian iaitu pemberian kita beri kepada sama ada badan-badan bukan kerajaan. Peruntukan inilah yang diberi kepada MBM untuk dibayar program-program yang disebutkan tadi, sebab ada lebih 500 acara. Berbalik kepada...

Datuk Seri Reezal Merican: Tidak. Saya rasa terkeliru sedikit. Sebenarnya tentang penjelasan Menteri, saya jelas. *I completely cleared about that*. Cuma dari segi persoalan sahabat saya tadi, ia ada dua bahagian. Satu, tentang RM7.9 juta yang dibayar MBM.

Tak mengapalah, itu bukan *concern* saya. Akan tetapi *the other one*, dia kata jabatan memberi arahan bayaran kepada Majlis Belia Malaysia dan ada NGO-NGO lain. NGO lain ada membayar sejumlah RM1.2 juta yang diberi kepada Pegawai Belia dan Sukan.

Dato' Mohid bin Mohamed: Saya tidak pasti sebab yang ini bukan terlibat di dalam Hari Belia Negara kepada pegawai...

Tuan Pengerusi: Bukan, bukan.

Datuk Seri Reezal Merican: Benar. Oleh sebab itu saya mulakan *preamble* saya mengatakan skop pengauditan bukan hanya tertumpu pada isu itu. Oleh sebab itu saya hendak merujuk kepada *predecessor* sebab saya tanya tadi Ketua Audit Negara, apakah di waktu yang terakhir itu ada dijawab atau tidak oleh pihak kementerian tentang soal bayaran ini.

Tuan Pengerusi: Saya hendak tanya sedikitlah. Ini memang di luar – ia bertindih skop dengan sambutan Hari Belia Negara dan juga apa yang telah diaudit oleh Jabatan Audit Negara. Perkara ini saya rasa Dato' maklum kerana dalam interaksi dengan Jabatan Audit Negara, ada isu ini dan ada *entry meeting* dan ada *exit meeting*. Dalam *exit meeting*, Dato' sebagai pegawai pengawal tidak menjawab soalan ini, duit yang dibayar ini. Oleh sebab itu perkara ini masih lagi tergantung dalam Laporan Audit Negara yang mengatakan bahawa pembayaran ini tidak mengikut prosedur yang sedia ada. Saya rasa itu yang lebih jelas untuk saya maklumkan.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Akan tetapi ini bukan mengenai Hari Belia.

Tuan Pengerusi: Bukan mengenai Hari Belia. Ini bukan soalan kepada Menteri. Ini soalan kepada mantan KSU. Ini soal pembayaran dan juga soal ikut prosedur.

Dato' Mohid bin Mohamed: Dalam setiap *exit conference* Tuan Pengerusi, memang kita berikan penjelasan. Sama ada mereka berpuas hati atau tidak, itu yang menjadi isu sekarang. Akan tetapi setiap *exit conference* memang kita perjelaskan satu persatu termasuklah bayaran RM1.2 juta dan sebagainya. Akan tetapi ada juga yang, termasuklah juga yang Hari Belia ini, kita juga memberikan penjelasan tetapi ia juga masih lagi dalam laporan.

Seorang Ahli: Dan tidak dilaporkan.

Dato' Mohid bin Mohamed: Tidak dilaporkan. Saya boleh minta Ketua Pengarah sendiri *confirm* kan sebab beliau pun- kita sudah ada berbincang ini, kalau bayaran ini, kalau betul kes ini kes di Sarawak. Minta maaf, sebab saya pun tak ingat yang RM1.2 juta ini.

Tuan Pengerusi: Ini bukan di Sarawak. Ia ada lagi perkara-perkara lain. Ada lagi perkara lain yang nanti saya hendak minta Ketua Audit Negara.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Spesifik. Apa programnya, bila? Oleh sebab sekarang ini kita...

Tuan Pengerusi: Tidak mengapalah. Biar soalan ini kita dapat penjelasan daripada pegawai.

Puan Hajah Hatipah binti Ibrahim [Ketua Pengarah Jabatan Belia dan Sukan]: Tuan Pengerusi, RM1.2 juta itu adalah merupakan program Sarawak yang kita buat bersama dengan Majlis Belia Malaysia.

Tuan Pengerusi: Bila tadi Ketua Audit Negara buat laporan, dia kata pembayaran ini tidak ikut prosedur, tidak ada *guideline* dan sebagainya.

Puan Hajah Hatipah binti Ibrahim: Ya. Seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek tadi itu, program di Sarawak ini melibatkan 71 DUN di Sarawak.

Tuan Pengerusi: Dalam laporan tadi, Ketua Audit Negara kata pembayaran dibuat tidak ada *guideline*. Satu, tidak ikut prosedur. Kedua, tidak ikut *guideline* yang ditentukan. Itu isunya. Saya tidak...

Datuk Seri Reezal Merican: Biar saya perjelaskan. Yang Berhormat Menteri, minta maaf, mungkin dianggap terkeluar tetapi sebenarnya pengauditan ini skopnya bukan *K-pop* sahaja sebenarnya. Bukan *K-pop*. *K-pop* diamplify kerana ia salah satu item. Akan tetapi memandangkan *predecessor of KSU* ada di sini, maka sebab itu dibangkitkan. Salah satu yang lebih serius yang dibangkitkan dalam Laporan Audit itu adalah pembayaran daripada Jabatan Sekretariat Pengurusan Acara Hari Belia Negara kepada Majlis Belia Malaysia, dan kemudiannya dibayar kepada pegawai. Daripada satu NGO. Bayangkanlah, dia transit NGO, NGO bayar kepada pegawai belia dan sukan, seramai 19 orang pegawai berjumlah RM1.26 juta. Maka yang itu sebenarnya yang tiba-tiba menjadi- sewaktu sebelum masuk, *the underline concern, even greater than K-pop*.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Kalau Sarawak, tadi saya beritahu tujuannya begitu. Ini kerana untuk sampai ke 71 daerah, sebahagian daerah- sepatutnya prosedurnya apa? Melalui bank, melalui apa? Tidak boleh pakai *cash* untuk sampai ke sana?

Datuk Seri Reezal Merican: Tunai dan cek. Kenapa pergi ke NGO dan bayar kepada pegawai?

Dato' Mohid bin Mohamed: Tuan Pengerusi, NGO ini oleh sebab perbelanjaan adalah di bawah 42, dan 42 adalah pemberian kepada NGO. Oleh sebab itu apa-apa bayaran di bawah 42 iaitu pemberian, ia mesti dibayar melalui kepada badan-badan termasuk NGO tadilah.

Datuk Seri Reezal Merican: Tidak ada masalah. Bayar kepada NGO tidak ada masalah. Akan tetapi *from* NGO, RM1.26 juta *paid to* pegawai kerajaan seramai 19 orang.

Dato' Mohid bin Mohamed: Sebagaimana yang Ketua Pengarah sebut tadi Tuan Pengerusi, ialah *event* ini daripada 71 daerah. Jadi, sebenarnya kerjasama daripada NGO dan juga pegawai-pegawai itu untuk melaksanakan *event*. Ini kerana *event* kita adalah *event* kerjasama NGO dan juga Jabatan Belia dan Sukan Negara. Jadi ia bersama itu.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi soalnya mengapa tidak bayar terus daripada kementerian pergi ke pegawai, daripada bayar melalui NGO? Itu persoalannya.

Dato' Mohid bin Mohamed: Bajet 42 Tuan Pengerusi, ialah pemberian. Maknanya pembayaran mestilah melalui ataupun bayaran perlu kepada NGO.

Tuan Pengerusi: Tidak. Saya tahu. Yang timbul keraguan itu adalah mengapa tidak bayaran daripada kementerian pergi kepada pegawai terus? Ini melalui MBM, baru pergi kepada pegawai. Ini dalam Laporan Audit.

Dato' Mohid bin Mohamed: Ini kerana ia di bawah 42. Kalau *advance*, ia di bawah pecahan-pecahan kepala yang berbeza sebab ia *direct* kepada pegawai kerajaan.

Tuan Tony Pua Kiam Wee: Saya tidak tahu sama ada kita ada persefahaman isu yang sama atau tidak. Ini kerana mengikut jawapan yang diberi macam tidak memahami soalan yang telah pun dibangkitkan. Sekarang RM7.9 juta diberikan kepada MBM, NGO. Itu tidak dipertikaikan. RM7.9 juta diberi kepada MBM tidak dipertikaikan dari segi pembiayaan, sudah tentu. MBM tidak beri *report*, itu isu lain. Yang beri MBM tidak dipertikaikan. Apa yang dipertikaikan sekarang, kenapa pula MBM menggunakan sebahagian daripada peruntukan ini di *issued* tunai dan cek balik kepada pegawai belia dan sukan? Antara sampel yang terbangkit, hanya sampel sahaja, 19 pegawai berjumlah RM1.26 juta.

Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: *Correct me if I am wrong.* Saya rasa saya faham apa yang cuba disampaikan oleh mantan KSU. Ini kerana daripada pemahaman saya, maksudnya daripada KBS untuk sampai kepada pegawai terus untuk program, itu tidak boleh. Betul? Akan tetapi mengikut peraturan, perlu melalui MBM, NGO, *then* baru dikeluarkan untuk program tersebut di 71 daerah bagi tujuan itu. Itu mengikut peraturan. Betul? Maksudnya...

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Saya cuba jelaskan begini. Saya sendiri pun kalau boleh nanti tolong betulkan. Ini *for practical logistic reason*. Kakitangan kementerian berada di mana-mana tetapi kakitangan MBM tidak ada di mana-mana. MBM berpusat di sini sahaja. Ia mungkin ada dua atau tiga orang dan mereka bekerja sukarela dan tidak ada gaji. Untuk melaksanakan program di Baram atau di Limbang atau sebagainya, pegawai kita ada sana melaksanakan program itu. Apakah salah misalnya- apakah semestinya orang MBM daripada situ? Ia tidak ada kakitangan MBM semua, hendak pergi ke sana, apakah salah misalnya, tolong pegawai yang ada di sana laksanakan program, hendak bayar makan dan sebagainya, anda tolong bayarkan. Apakah itu merupakan kesalahan?

■1240

Tuan Pengerusi: Satu jawapan- cuma dari Jabatan Audit Negara yang bawa perkara ini kata, ia melanggar prosedur. Kita hanya tanya begitu. Dato' Sri beri jawapan secara praktikal. Sudah tidak ada cara lain hendak buat melainkan cara begitu. So, mungkin selepas ini kena tengok juga dari kementerian itu, kena ubah jugalah atau dari segi Perbendaharaan kena ubah jugalah dia punya peraturan dan sebagainya.

Seorang Ahli: Yang Berhormat...

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Pejabat Belia dan Sukan ada di mana-mana. Akan tetapi Pejabat Majlis Belia tidak ada di mana-mana. Itu sahaja ya.

Tuan Pengerusi: Tahu tetapi maknanya sekarang ini macam pemberian diberikan, bukan? Walaupun mengikut prosedur kerajaan yang ada dalam kementerian tetapi di peringkat AG mereka kata tidak ada.

Tuan Tony Pua Kiam Wee: Bukan itu sahaja sebab perkara ini bukan Jabatan Belia dan Sukan beri wang kepada MBM selepas itu MBM pulangkan wang kepada Jabatan Belia di peringkat kawasan, bukan. Ini jabatan beri wang kepada MBM, MBM beri wang kepada individu, pegawai di kawasan.

Datuk Seri Reezal Merican: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: Tidak sama. Ini bukan pulangkan wang kepada kerajaan untuk menjalankan program. Ini beri wang kepada individu untuk menjalankan program. *It is different. We need to differentiate, the officer from the department and...*

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Ini untuk melaksanakan program. Dari program itu sudah nama Program MBM, *branding* dia dan sebagainya Program MBM. Ada perkara itu disampaikan. Misalnya, hendak bayar makan. Apakah pegawai semestinya hanya dianggap baik sekiranya pegawai MBM mesti bayar, dia tidak boleh hendak kirim melalui pegawai yang boleh dipercayai di sana?

Tuan Pengerusi: Persoalan saya begini sahaja. Kalau prosedur itu ada dalam kementerian, kenapa perkara ini tidak dijelaskan kepada Ketua Audit Negara waktu *exit audit* dibuat? Itu maksud saya. Jadi, dalam pemahaman Jabatan Audit Negara, perkara ini, prosedur itu tidak ada atau tiada *guidelines*.

Puan Hajah Hatipah binti Ibrahim: Tuan Pengerusi, sebenarnya perkara ini telah pun dijelaskan semasa *exit conference* dengan pihak Jabatan Audit dan kita telah pun memaklumkan bahawa pada masa sekarang ini kita telah pun membuat penambahbaikan kepada garis panduan pemberian bantuan yang sedia ada dan kita telah semak. Kemudian bersetuju bersama dengan pihak SPRM.

Tuan Pengerusi: Okey, bila berlaku ini? Baru-baru ini, selepas Laporan Audit Negara ataupun waktu *exit interview* itu?

Puan Hajah Hatipah binti Ibrahim: Ini maklum balas yang terakhir yang kita hantar pada 4 dan 13 Mei 2013.

Tuan Pengerusi: *After* lah?

Puan Hajah Hatipah binti Ibrahim: Yes.

Tuan Pengerusi: Maknanya perkara ini sudah dibetulkanlah.

Puan Hajah Hatipah binti Ibrahim: Ya, telah dibetulkan. So, isu ini pun dalam siasatan pihak SPRM.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: SPRM sudah ada tunjuk, ada maklum balas atau?

Puan Hajah Hatipah binti Ibrahim: Yes, dah ada.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Dalam siasatan?

Puan Hajah Hatipah binti Ibrahim: Dalam siasatan.

Tuan Pengerusi: Tan Sri, ada apa-apa?

Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Berdasarkan kenyataan terakhir pada pegawai tadi memang benarlah sebab kalau kita baca balik Laporan Audit kita, kita masukkan maklum balas. Dalam bab pembayaran atas nama melalui Jabatan Pegawai Belia, itu isu yang kita bangkitkan. Dalam laporan itu kita katakan arahan Perbendaharaan 99B menyatakan bahawa "*Nama seseorang pegawai kerajaan tidak boleh di catatkan sebagai penerima bayaran pada sesuatu baucar kecuali berkenan dengan gaji pendahuluan dan pinjaman atau tuntutan persendirian yang lain*". So, that is what the peraturan said. Kalau tidak mahu mengikut peraturan, *you should have get an exemption from Treasury*, itu sahaja.

Jadi dalam hal ini, seperti yang dinyatakan oleh wakil jabatan tadi, saya bacakan, "*Jabatan mengambil perhatian serius berkaitan perkara ini. Surat peringatan daripada pegawai pengawal kepada pegawai yang terlibat telah dikeluarkan*". Maknanya, diakuiilah ada kelemahan di situ dan telah pun berusaha untuk memperbaikinya. Selain itu, penambahbaikan di dalam garis panduan itu – jabatan telah dibuat di mana ia telah disediakan, disemak dan dipersetujui dengan SPRM. *That is what they replied. So, we have no issue on that.*

Tuan Pengerusi: So, *issue* itu sudah tidak ada ya.

Tuan Tony Pua Kiam Wee: Saya hendak bangkit sedikit lagi, tambahan. Saya rasa *the practice of beri tunai cannot be accepted. I think even in revised guideline, I think cash should never be given for organizing government event.* Saya rasa sistem perbankan di Malaysia bukan teruk sangat sampai hendak buka satu akaun rasmi pun susah sangat. *The fact that you can give cash that way, allowed for* atau memberikan peluang untuk segala ketirisan, pembaziran. Kalau tidak mahu kritikan daripada pihak kami di sini, saya rasa perkara ini perlu ada satu *proper audit trail of the expenditure. I cannot accept that cash is given* kerana tidak ada sistem perbankan. *I think even in Baram, there are bank branches. Whether it is BSN, Bank Pertanian, ada cawangan bank untuk digunakan dan secara tunai saya rasa memberi peluang untuk all sort of ketirisan itu berlaku.*

Tuan Pengerusi: Saya komen, saya rasa pembaikan, Ketua Setiausaha ya...

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Saya setuju. Boleh pegawai ini terangkan *difficulty*, kita boleh bayar selepas itu orang itu kena dikeluarkan pula, keluar dua atau tiga jam naik bot hendak *cash in*. Saya rasa- tidak tahulah kalau...

Tuan Pengerusi: Asalkan ada *form of the documentation* yang mengatakan bahawa *the money was spend to what purposes, receipt* dan sebagainya. Dato' Sri, saya hendak maklumkan Dato' Sri dalam kementerian baru ini pun Dato' hendak menganjurkan *event* yang besar juga. Nanti biarlah dia punya prosedurnya ditambahbaikkan dan digunakan dalam...

Tuan Tony Pua Kiam Wee: Kalau kita hendak beri tunai pun, dia kena keluar ambil tunai atau pun orang kita kena masuk beri tunai. *So, I do not see the...*

Tuan Pengerusi: Ya, *as long as audit trail...*

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: *Sir*, kadang-kadang, saya tidak tahulah pengalaman saya. Belanja makan cuma RM800 atau RM700. Kita bawa tunai tidak boleh sebab Yang Berhormat, PAC kata tidak boleh. Kena beri. Kamu kena keluar naik bot dua jam misalnya, akan berlaku keadaan, kena tunaikan.

Datuk Seri Reezal Merican: Yang Berhormat 'Petaling Jaya Utara' bukan Yang Berhormat 'PAC' [*Ketawa*]

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Ya, saya rasa. Akan tetapi ini akan jadi keputusan PAC dan ia kan jadi keputusan yang berkekalan selepas ini.

Apakah tidak ada *flexibility* di situ? Kalau tidak, kita BR1M pun beri *cash* sebab kita bayangkan pecah bank, kalau setiap satu bandar kecil yang banknya berapa kaunter hendak selesaikan 5,000 ke 10,000 orang penerima BR1M, tempat saya 20,000 orang bertumpu di satu tempat. Cuma ada peraturan tidak boleh beri *cash* sebab pegawai yang bawa *cash*. Beri ataupun siapa-siapa beri, ia akan timbul masalah.

Tuan Pengerusi: Saya setuju dengan masalah praktikal yang dihadapi oleh pegawai kementerian. Cuma kami di peringkat PAC, di peringkat Jabatan Audit Negara ini hendakkan kalau boleh biarlah ada dia punya penjelasan yang munasabah sahaja. Itu yang perlu. *Audit trail* itu kalau ada pun tidak apa. Asalkan kita dapat tahu, apakah duit itu dibelanjakan. Dia punya kuantum dia besar mana, *excessive* atau tidak, tidak apa. Asalkan ada *audit trail*. Itu sahaja. Saya faham mengenai masalah pengurusan kementerian.

Datuk Seri Reezal Merican: Tuan Pengerusi, saya rasa...

Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang: Bukan tidak boleh beri *cash*, boleh Yang Berhormat *but* mesti ada *proper documentation* dan mesti ada rekod tarikh, kepada siapa, untuk apa. Selepas itu ada pihak lain mengesahkan. Kita tidak kata tidak boleh *cash*. *We never raise on that, as long as ada audit trail*. Jadi, *record keeping is very important because* ini peraturan kerajaan. Itu sahaja.

■1250

Datuk Seri Reezal Merican: Ya, saya rasa itulah- *that was exactly what I want to say*. Benda, *so long it is on the audit trail*.

I think it is permissible dan saya yakin Menteri sudah menjawab banyak perkara tadi. *I am quite sure, he knows pretty well because he used to be in PAC. That gives the signal that we might be in his seat soon [Ketawa]* Kalau tidak kena gaya *but, anyhow...*

Tuan Pengerusi: *That is why today all his answers is very smooth because he has been here before [Ketawa]*

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Tuan Pengerusi, saya meneliti sebab perkara ini menyentuh- sebab saya *being a Member of PAC*, saya *concern* tentang soal, kita ini bercakap tentang integriti. Kalau integriti kita dipersoalkan walau sedikit, saya tidak berada dalam *position* saya *ignore that*. Saya perlu menjawabnya. Perkara ini bila komen diberikan kerana ia melibatkan satu program yang saya sendiri *initiate* kan, saya rasa saya bertanggungjawab.

Ada banyak perkara, yang memerlukan pandangan yang baru. Misalnya, pendekatan belia. Kesemua komen yang dibuat semuanya pasal perbelanjaan tinggi, tidak berhemah dan sebagainya. Misalnya, saya beri contoh, banyak perbelanjaan mengenai kita belanja menggunakan media *online*. Sekarang ini media *online* adalah mode baru. *Straight forward*, bayarlah surat khabar untuk iklan, bayar dalam iklan. Akan tetapi iklan kita tahu capaiannya berapa. *Online media* misalnya, kita menggunakan lebih kurang 100 *total* 168,000 tetapi kita dapat capaian daripada segi *hit* sebanyak 11 juta capaian dan saya tidak tahu berapa puluh, dekat 60 juta, 70 juta *hashtag impression*.

Saya tidak tahu apakah perkara ini telah diterangkan kepada pegawai-pegawai, dia faham atau tidak tentang *hit*, tentang *hashtag impression* dan lain-lain dalam buat *promotion*. Akan tetapi dia menanggung tinggi sedangkan 168,000 kita mendapat 11 juta capaian *in terms of hit* dengan *average* kurang daripada satu sen, satu *hit* kita dapat, adalah rendah pada pandangan kita yang berada dalam *media line*. Kalau banding kita bayar satu muka *Utusan*, kita tahu bahawa *circulation* nya 200,000. Akan tetapi jauh lebih mahal daripada kita menggunakan sistem *online*, bayar blogger dan sebagainya. *Blogger* sebab dia ada *followers* dan sebagainya. Kita tahu dia akan lebih.

Akan tetapi dalam ini, komennya tinggi. Kalau Yang Berhormat sekalian pergi ke Hari Belia, kita tidak menggunakan satu *billboard* pun sebab kita menganggap *billboard* adalah *old fashion*, kaedah lama. Akan tetapi tidak ada kata ini satu langkah yang baik. Saya merasakan Audit mesti melihat dalam kaedah baru sekarang ini, penggunaan-penggunaan *online*, penggunaan *Twitter*, penggunaan ini adalah merupakan suatu yang tidak ada dalam struktur hendak mengatakan mana yang lebih baik, mana yang buruk. Ia berdasarkan pada pemikiran kita sekarang. Kalau komen dia kata, misalnya saya beritahu, kalau dia kata dalam ini. Ya, dia kata "*Tidak selaras semua. Semuanya dianggap tinggi*". Harian, *blogger*, bayar dia duduk. Berapa hari dia duduk di situ, cara *blogger* ini bukan dia kata, "*Datanglah Hari Belia Negara. Datanglah beramai-ramai*". Itu bukan cara dia.

Misalnya, kita dapat seorang penyanyi, Fizo Omar, dia ada lebih kurang 300,000 atau 400,000 *followers* dia. Dia akan beritahu, “*Saya akan berada di belakang pentas ini, ini pada pukul sekian-sekian, sila kalau siapa hendak jumpa saya...*” Begitu. Lisa Surihani, *the other one million hit*. Kita guna dia, “*Saya akan bersama-sama... Siapa hendak jumpa Saya.*”

Seorang Ahli: *I want to follow [Ketawa]*

Dato’ Sri Ahmad Shabery Cheek: Kita tahu. *So, all the followers* datang. Akan tetapi sudah tentu kita ada bayaran kepada dia tetapi dalam Audit itu dianggap tidak berhemah. Kalau bayar *straight forward, billboard*, itu biasa. *No more*, dalam konteks sekarang *we use celebrity* dan sebagainya, *that is part of their professional fees* dan tidak banyak. Jadi, kalau di sini dianggap tidak berhemah. Ini pendekatan kita. Orang sudah tidak pergi kepada surat khabar, tidak pergi kepada *banner*, tidak pergi apa dan sebagainya. Ini pendekatan baru.

Saya buat dalam sini misalnya, *we do brainstorming*. Oleh sebab Tuan Pengerusi, program ini buat kita tidak pakai *consultants*, kita tidak pakai *event manager*. *Event manager* mahal. Encik Mod Nazri itu CEO, dia S48 sahaja. Kita panggil sahaja CEO, tetapi semua dalaman buat kerja sebab saya hendak latih rakan-rakan saya dan pegawai ini, *learn how to make event*. *Sometimes you do mistake* dan sebagainya.

Selepas itu saya ajak semua ini, kata okeylah, untuk *brainstorm* yang akan datang, *we travel together*. Bukan pergi ke Bali. Kita pergi ke Krabi, naik bas. Menteri sendiri naik bas dengan 30 orang pegawai ini, pegawai rendah-rendah ini, naik bas. Saya tidak tahu lebih murah daripada bas mana dia, naik bas tujuh jam, lapan jam ke sana, dalam ini kata mahal. Tidak berhemah kerana Menteri naik bas bersama dengan yang lain. Saya tidak tahu lebih murah apa dia, sebagai contohnya. Jadi, ini bila keluar, orang luar kata saya telah menyalahgunakan. *Cash* yang kita dapat itu, RM2.3 *millions* itu cukup bayar *K-pop*, cukup bayar yang ini, bayar lain-lain dan sebagainya.

Ini antara perkara yang saya rasakan saya tidak tahu macam mana pada masa yang akan datang. Saya hendak bawa, naikkan semangat mereka, tidak payah pakai *event manager*, tidak payah pakai *consultant* yang besar. Saya sendiri yang buat sama-sama. Salah kah? Ini perkara yang, saya tengok dalam ini, saya tidak tahu macam mana hendak buat lagi. Macam K-Pop, dia tengok RM1.6 juta. RM1.6 juta, yang lain itu dibayar. Cuma RM900,000. Yang lain bayar *tax* kerajaan, bayar hotel kita, bayar kata panggil *bodyguard* tetapi budak-budak kita. Salah kah ini? Jadi, ini perkara yang saya rasakan perlu kita bincang dan kita lihat bersama.

Saya pun dalam kementerian saya yang baru sekarang ini timbul Tuan Pengerusi, ada isu tentang soal bayaran yang berlebihan kepada TM. Tidak mengikut peraturan kerajaan pada tahun 2011, tidak silap saya. Akan tetapi projek itu ialah projek tahun 2007. Jadi, saya rasakan ini antara perkara-perkara yang mungkin saya kata tidak, tetapi bila ia keluar, apa yang dikeluarkan sudah dianggap *gospel truth*, tidak boleh dipertikaikan. Ini juga antara perkara yang saya rasa boleh kalau kita duduk bersama, kita runding bersama.

Oleh sebab itu selepas tahun 2012, saya minta untuk acara yang tahun 2013, pegawai Audit duduk bersama, ada bukan? [*Bertanya kepada pegawai KBS*] Pegawai untuk yang seterusnya tolong duduk bersama. *Tell me*, hendak beli ini salah atau tidak salah? Hendak beli ini salah atau tidak salah? SPRM, minta duduk bersama sebab saya rasa benda ini akan besar lagi, hendak lawan- saya hendak menjadikan acara ini... sebab negara memerlukan *one iconic event*. Kita tidak ada *iconic event* dalam negara kita. Boleh atau tidak kita kata satu *iconic event*? Kalau di Thailand semalam, dua malam lepas *Loi Krathong*. Semua orang datang hendak *Loi Krathong*. Sarawak ia ada satu *Rainforest Festival*. Kita sebut Brazil, kita ingat Rio. Kita sebut Jerman kita ingat *Oktoberfest*, *Mardi Grass* dan sebagainya. Ada atau tidak satu dan ia akan besar, lebih banyak lagi.

Saya rasa pegawai saya semua sudah tidak ada semangat lagi. Sudah tidak mahu buat, dia kata. Kalau macam ini, susah saya. Ini bukan bidang tugas cuma atas semangat untuk menggerakkan belia di masa yang akan datang. Mereka perlu diberi semangat. Ada mungkin beberapa kelemahan, sepatutnya diberikan galakan, berikan motivasi untuk buat kerja. Akan tetapi, bawa pergi Krabi naik bas bersama untuk *brainstorm* macam mana hendak buat, dianggap sudah tidak berhemah. Macam mana saya hendak buat? Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Saya terpaksa bercakap bagi pihak AG jugalah. Soalnya sekarang ini prosedur. Kalau tadi ada masalah mengenai prosedur, minta pelepasan daripada MoF pun sudah cukup untuk hendak menyelesaikan masalahnya. Tidak sampai kepada kita. Soal belanja berhemah ini saya rasa pendekatan yang digunakan oleh Jabatan Audit Negara yang *value for money audit* ini pun sentiasa di *upgrade to look into*- kerajaan ini besar bukan. Cuma nasib Yang Berhormat Menteri sahaja yang kena fokus oleh media pasal hal K-Pop ini. Akan tetapi kementerian lain banyak juga lagi ada. Cuma belum sampai lagi pada giliran mereka untuk diaudit.

Jadi, saya rasa apa Yang Berhormat Menteri telah rintihkan tadi sudah didengari oleh Ketua Audit Negara dengan pegawainya [*Ketawa*] Jadi, kita hendak cuba mendapatkan satu suasana yang mana- *fear of being audited is more important than finding actual mistake, because* saya rasa pegawai-pegawai Jabatan Audit Negara pun bukannya sengaja keluar hendak mencari salah orang. Cuma bila ada peraturan-peraturan kita di peringkat kerajaan yang belum lagi diselaraskan, itu menjadi masalah kepada mereka dalam menjalankan tugas mereka.

■1300

Soal tuduhan pembaziran dan sebagainya itu, salah guna itu tidak timbul untuk sayalah pada hari ini. Soalnya adalah pendekatan Yang Berhormat lain, peraturan yang ada sekarang ini kena diubahsuaikan supaya pendekatan *outcome-based budgeting and also value for money audit* ini dapat diselaraskan, satu *guideline* dia yang sesuai yang boleh diterima oleh pihak-pihak yang terlibat. Ada soalan lain?

Tuan Tony Pua Kiam Wee: Terima kasih Tuan Pengerusi. Mengenai isu *online* media, saya sokong secara penuh bahawa penggunaan *online* media untuk belia adalah jauh lebih efektif daripada iklan di surat khabar seperti *Utusan Malaysia* yang belia tidak baca. Isu yang dibangkit bukannya penggunaan *online* media. Isu yang dibangkit adalah perbelanjaan sama ada wajar atau tidak wajar. Saya pun boleh gunakan iklan ruang media semasa katakan pilihan raya, saya belanja RM100,000 saya dapat berjuta-juta punya *returns, views or hits* kah, apa metriklah ataupun saya boleh belanja RM5 juta dan dapat berapa. *So, I think the issue is reward.*

Antara yang dipersoalkan adalah seperti pemberian 50 blogger RM1,000 setiap kali dan beri dua, tiga kali, cara macam itu yang mana dilihat tidak ada metrik sama ada blogger ini ada 30 orang pengikut ataupun 3,000 orang pengikut. *So, I do not want to go into that specific* tetapi sekarang saya hendak bangkitkan bahawa isu *online* media bukan *we don't want to use online media* tetapi hanya isu berapa kita bayar dan cara kita bayar. Adakah kita gunakan metrik yang baik ataupun metrik yang perlu disempurnakan?

So, that is not my key issue. I think the key issue yang dibangkitkan dan sebab pihak Menteri *volunteers*, secara sukarela untuk datang adalah isu mengenai penajaan dan pembayaran kepada *K-pop, the concert*. Saya rasa perkara ini dalam surat khabar yang isu ini menjadi isu besar kerana di dalam surat khabar memang sebelum ini dikatakan oleh pihak Menteri bahawa, saya hendak baca ya. Ketua Setiausaha KBS Dato' Mohid bin Mohamed berkata [*Membaca petikan*]

"Kos membawa tiga kumpulan itu ke Malaysia diuruskan Stadium First selaku pembekal program dengan jumlah RM900,000. Bagaimanapun, KBS belum membuat pembayaran kepada Stadium First kerana masih dalam proses perincian. Kami akan menggunakan wang tajaan pihak swasta."

Selepas itu mengikut Audit, bayaran telah dibuat oleh pihak kementerian. Saya rasa kedua-dua perkara ini tidak dipertikaikan. Yang meragu-ragukan orang ramai ialah bila pihak Menteri masih bertegas bahawa wangnya datang daripada wang tajaan pihak swasta. Bila kita tanya dalam Parlimen sekali lagi pada bulan Oktober, jawapan daripada pihak kementerian adalah... [*Membaca petikan*]

"Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Unit Pemasaran dan Penajaan (HPN) telah mendekati beberapa syarikat korporat dalam usaha untuk mendapat penajaan bagi konsert K-pop tersebut. Walaupun pada mulanya terdapat pengesahan secara verbal, namun pihak kementerian tidak boleh mengambil sebarang tindakan sekiranya syarikat-syarikat tersebut menarik diri pada saat akhir kerana penajaan diberikan atas dasar CSR."

Pihak kementerian tidak ingin menuding jari ataupun menyalahkan mana-mana pihak dalam perkara ini kerana ini merupakan program kerajaan dalam menghargai dan mengiktiraf sumbangan golongan belia kepada negara.”

That is an important bit. So, pihak kementerian telah kata pada mulanya ada *sponsor* yang bersetuju untuk menaja, selepas itu mereka menarik diri. Oleh sebab itu, kerajaan kena bayar RM1.6 juta. Pihak Menteri masih bertegas bahawa sebenarnya *K-pop* dibayar oleh pihak swasta dan sebentar tadi Menteri ada kata RM2.3 juta *cash donation* diberikan kepada siapa? Saya tidak jelas tadi, MBM ataupun pihak kementerian untuk menjalankan Hari Belia. So, mungkin pihak Menteri boleh jelaskan mengenai isu penajaan RM2.3 juta dari mana, pergi mana dan cara pembiayaan RM2.3 juta tersebut.

Berikutnya, tadi pihak Menteri ada kata konsep Hari Belia telah pun diluluskan oleh Jemaah Menteri. Perkara ini tidak dipertikaikan dan disebut oleh Pengerusi juga tetapi untuk Hari Belia, perbelanjaan Program Hari Belia, spesifik tahun lalu, adakah ianya diluluskan secara umum atau secara spesifik oleh pihak Jemaah Menteri? Itu soalan. Terima kasih.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Tuan Pengerusi, terima kasih di atas soalan. Pertamanya, sebab itu saya kata saya perlu datang PAC, sebab banyak soalan itu saya rasa tidak boleh saya jawab kalau ditanya di dalam Parlimen kerana saya bukan lagi Menteri Belia dan Sukan. Saya tidak boleh jawab waktu kementerian saya ditanya.

Tuan Tony Pua Kiam Wee: Terima kasih, *thank you*.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Jadi ini adalah forum yang terbaik. Ada perkara yang melibatkan saya sendiri sebab *personally* saya hendak menjayakan program ini, *I work hard* untuk dapatkan *sponsors*, untuk *convince* orang supaya datang. Saya berjumpa dengan syarikat swasta ini *personally*. *Honestly* saya beritahu, mungkin di kalangan pegawai pun kurang maklumat tentang perkara ini. Untuk *K-pop*, tidak ada orang yang berjanji [*Disampuk*] Tidak ada berjanji. *There is no such thing*, orang yang berjanji, saya beritahu kepada Yang Berhormat.

Akan tetapi jumlah *cash* yang kita dapat sudah memadai untuk membayar *K-pop* sebab *K-pop* cuma RM900,000. Kita dapat RM1.6 juta ini sudah campur dengan yang lain, ini yang saya katakan perkara yang lain. Kita dapat dari segi perbelanjaan *cash RM2.3 million* sudah cukup untuk membayar *K-pop*. Cumanya, *K-pop* itu perlu dibayar awal kerana kita buat benda ini bukannya hendak kata *sign* kontrak dengan dia, hendak datang- dia *top 10* dalam dunia. Kita kena buat awal, ianya perlu didahulukan, *it is only accounting*. Duit itu ada dan kita boleh gunakan bayaran-bayaran lain. Kalau tidak, kerajaan pun kena bayar juga, bayaran lain itu. Itu sahaja. *It is a matter of accounting*. Oleh sebab itu kita katakan kita berbaloi dengan *K-pop* datang, kita katakan bahawa sudah tentu pengunjung akan ramai.

Apabila pengunjung ramai, saya berjumpa dengan syarikat-syarikat swasta yang lain hendak naikkan *you* punya *banner*kah, hendak naikkan sepanduk, hendak naikkan apa sebagainya, *you will get return of investment (ROI)* sebab, setiap pelabur, setiap *sponsors*, dia *always thinking about Return of Investment*. *Two million* akan datang, semua akan berebut-rebut dan sebab itu dia orang datang untuk memaparkan, *that's all*. Ada apa hendak tanya lagi?

Tuan Tony Pua Kiam Wee: Jumlah RM2.3 juta itu masuk tabung kerajaan?

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Kita gunakan di bawah akaun Majlis Sukan Negara sebab kalau masuk dalam *consolidated fund*, kita hendak keluar kita kena buat tender, kena buat apa sebagainya, susah kita hendak dikeluarkan balik duit itu. Saya tidak tahulah kalau itu mungkin...

Tuan Tony Pua Kiam Wee: Dan kalau masuk MSN, wang itu guna untuk buat apa? Selepas masuk RM2.3 juta, dia akan keluar untuk pembiayaan bayaran lain. *What for?*

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Bayaran-bayaran lain, pelbagai bayaran.

Tuan Tony Pua Kiam Wee: Hari Belia?

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Hari Belia tersebut. Ada banyak aktiviti sukan dalam Hari Belia.

Datuk Seri Reezal Merican: Tuan Pengerusi, saya hendak jelaskan apa Yang Berhormat Petaling Jaya Utara cakap tadi sebab saya sudah jelaskan kepada Yang Berhormat Tumpat. Yang dibaca soalan lisan pada 21 Oktober tetapi Yang Berhormat Menteri juga menjawab secara lebih jelas pada 13 November dalam penggulungan belanjawan yang berkaitan dengan dasar. Saya baca secara verbatim di dalam *Hansard [Membaca petikan]*

"Mengenai penganjuran dan juga kosnya yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Bukit Mertajam, Yang Berhormat Rasah. Untuk makluman, perkara ini akan menjadi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara atau Public Account Committee, akan ada sesi bersama bekas Menteri. Namun demikian, saya hanya hendak jelaskan di sini bahawa penajaan untuk program ini sebenarnya adalah penajaan keseluruhan untuk Program Hari Belia Negara. Kita tidak ambil penajaan untuk individual program, dengan izin, untuk keseluruhan Hari Belia termasuk akaun khas di bawah Majlis Sukan Negara sebab Majlis Sukan Negara ada akaun yang boleh terima penajaan daripada pihak ketiga."

■1310

Jadi, inilah yang saya maklumkan tadi tentang jawapan oleh Menteri pada penggulungan.

Tuan Pengerusi: Sama dengan jawapan Yang Berhormat tadi.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Kamarul Baharin Abbas [Telok Kemang]: Tuan Pengerusi, *the next question are*, bila pembayaran itu dibuat oleh KBS, *which was suppose to be paid by the sponsors, was the money refunded to the kementerian?*

Tuan Pengerusi: Saya rasa soal sekarang ini Yang Berhormat Menteri terangkan tadi adalah mengenai *timing different*. Hendak buat program ini kena pelan satu tahun ke hadapan. Hendak rancang acara itu pun mengambil masa yang lama, hendak cari duit pun ambil masa yang lama juga. Ia bukannya sekali. Ada mungkin program yang sekali, yang boleh di ikat kepada program tersebut. Akan tetapi ada juga yang tidak- akan tetapi yang pentingnya, akhirnya sama ada duit *sponsor* yang dikutip itu cukup atau tidak cukup hendak biaya semua.

Soal tadi hendak bila sudah buat keputusan hendak *K-pop* perlu diadakan, masa itu duit yang dikutip tidak cukup lagi. Jadi, kementerian untuk hendak *reserve* mereka, bayar dahulu. Selepas itu, kementerian ada bayar balik atau tidak?

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Tidak bayar, maknanya kita boleh guna duit itu untuk bayar program yang sepatutnya kerajaan bayar. Sama juga. Jadi, maknanya menjimatkan kerajaan.

Tuan Pengerusi: Maknanya program lain yang kerajaan patut bayar, gunakan duit MSN, yang di simpan dalam MSN...

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Oleh sebab *advantage* nya masuk MSN ini, satunya dia dapat pengecualian cukai. Jadi, banyak penaja-penaja yang datang itu, dia masuk duit MSN dan dia dapat pengecualian cukai. Memang banyaklah, dia orang itu bila dengar. Okey, masuk tabung, ini yang selalu kita gunakan.

Tuan Tony Pua Kiam Wee: Saya hendak tanya, penjelasan. Untuk penaja-penaja yang masuk wang kepada Majlis Sukan Negara (MSN), apakah tujuan ataupun program yang mereka berikan wang untuk tajaan? Adakah mereka memberikan tajaan untuk program-program tertentu ataupun mereka berikan sahaja, "*RM20,000, you hendak buat apa, you buat untuk Hari Belia*". *What is the scheme of... [Disampuk] No, I am just asking.*

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Beginilah, kalau saya lihat... [*Menunjukkan dua buah buku*] Kalau teliti dengan dekat, kita sebenarnya ada banyak program yang misalnya TM. TM merupakan sahabat KBS. Ada program tajaannya secara *in-kind*, dia tambahkan *WiFi* punya kapasiti semasa Hari Belia kerana dua juta orang, *definitely jammed*. Itu tajaannya. Kemudiannya, saya kata "*Can you put some cash?*" Dia kata, "*Don't mind*" kerana dalam masa yang sama *in return* kita bagi pada mereka bukan sahaja pada hari ini.

Pada hari ini kalau kita lihat di sini [*Menunjukkan buku 'Himpunan Jutaan Belia'*] Kalau lihat setiap program itu, siapa sahaja yang berikan program walaupun RM10,000, walaupun RM5,000 kita akan naikkan *banner*, kita akan masukkan, MILO, TM dan sebagainya. *It is good* kerana belia tidak menganggap bahawa *it is a government program*. *Government program* kadang-kadang orang tidak mahu, jabatan, Kementerian Belia dan Sukan, gambar Menteri pun orang tidak berapa suka. Minta maaf saya cakap.

Akan tetapi *for me Putrajaya is already a government*, cukup. Tidak payah yang lain. TM sahabat kita kerana kalau kita lihat *Team Malaysia* (TM) itu *Team Malaysia*, ialah merupakan satu jenama yang dikait hubungan TM dengan KBS. Dia *contribute* banyak sebagai contoh dan banyak lagi yang lain. Ada yang derma RM50,000, ada derma RM100, ada derma RM1 *million*, ada derma *whatever*.

Tuan Tony Pua Kiam Wee: Akan tetapi itu bukan soalan saya. *My question is, when they donated, was it for specific program?* Macam Yang Berhormat Menteri katakan ada...

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Tidak, tidak. Dia kata untuk Tabung Hari Belia keseluruhan.

Tuan Tony Pua Kiam Wee: Untuk Tabung Hari Belia.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Hari Belia.

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *It is a general thing.*

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: *It is a general thing.* Jadi, tidak kata untuk ini, tidak. Jadi, kalau kita hendak guna duit untuk *K-pop*, hendak buat apa, itu terpulang.

Tuan Pengerusi: Sudah cakap, I terangkan tadi *you* tidak faham.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara][Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Satu lagi perkara yang hendak dapatkan *clarification* adalah mengenai ini. Maksudnya dari segi pembayaran, semua dibuat oleh SO? Oleh Ketua Setiausaha? Daripada akaun MSN ini, kalau untuk Program Hari Belia tabung itu sudah ada, selepas itu segala pembayarannya diuruskan oleh SO ataupun *officer* yang *in charge*. *Which is* KSU lah ya, bukan Menteri? Itu sahaja. Saya hendak *clear* itu sahaja. Menteri tidak ada kena mengena dengan pembayaran. Okey.

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *For the purposes of the paperwork, so that we can close this case properly.* Boleh tidak selepas ini minta pihak kementerian beri kepada pihak PAC perbelanjaan yang digunakan, tajaan RM2.3 juta tersebut? Secara bertulis kepada pihak PAC.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Tidak ada masalah. *Balance* pun ada lagi ya.

Tuan William Leong Jee Keen: Ini yang saya hendak tambah kerana mendengar penjelasan. Nampaknya tidak ada satu akaun yang jelas, tajaan yang telah diterima dan bayaran yang telah diberikan. Mengapa ini tidak dimaklumkan kepada Audit pada masa audit dibuat bahawa ada tajaan yang telah diterima. Ini menimbulkan kekeliruan.

Tuan Pengerusi: Itu yang masuk MSN itu mungkin.

Tuan William Leong Jee Keen: Wang yang telah dimasukkan ke dalam MSN.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Mungkin Encik Abd. Rashid bin Yaacob daripada MSN boleh beritahu.

Tuan Pengerusi: *On mike.* Jadi, kita boleh rekod.

Puan Hajah Hatipah binti Ibrahim: Tuan Pengerusi, boleh saya jelaskan tidak sebab skop auditan masa itu adalah lebih kepada pemberian bantuan, ya. Jadi, tidak ada berkaitan dengan yang penajaan itulah.

Tuan Pengerusi: Itu saya katakan tadi, ada pertindihannya. Skop Audit itu adalah mengenai pemberian bantuan kepada NGOs pada persatuan-persatuan dan sebagainya. Ini bertindih dengan perkara tersebut, jadi *you* hendak sekarang kah jawapan itu? Tidak apa, itu isu lain. Itu sekarang sudah jadi isu akaun khas yang dipegang oleh MSN itu.

Tuan William Leong Jee Keen: Akan tetapi apabila Audit ada perbincangan, ini harus telah dimaklumkan tentang penajaan sebab ini akan dikeluarkan di dalam laporan.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Akan tetapi macam saya cakap tadi, normal audit. *I mean we have done audit for the company, so dia very specific.* Maksudnya jika waktu audit dibuat semasa itu kes penajaan ini tidak timbul. Audit bercakap berhubung dengan pengeluaran RM1.6 juta untuk *K-pop*. *That was the issue. So, I do not think whether it has been disclosed or not, would had been an issue. I mean, my view would be that way.*

Tuan William Leong Jee Keen: *Because if we have overall situation then everybody is very clear.*

Dato' Kamarul Baharin Abbas: Soalan, tadi saya hendak tanya berkenaan dengan *refund to the* kementerian. Akan tetapi saya faham MSN telah menjelaskan ataupun kontra. *Instead of, now the question is* kepada Audit, *how do you account for that? How do you put that inside the Audit Report?* Berkenaan dengan- *is it proper according to* penjelasan mengenai *detail expenditure on the RM1.6 billion, whatever refund?*

Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang: Tuan Pengerusi, dalam pengauditan ini kita tidak ada sentuh tentang *sponsorship* langsung. Keduanya, tidak ada makluman pun daripada sesiapa daripada kementerian tentang *sponsorship*, kita tidak ada sebut. Jadi, soal pendahuluan atau tidak pendahuluan, tidak timbul pada kamilah. Pada orang lain, saya tidak tahulah. *We never question them because it never featured* dalam kita punya skop audit.

Akan tetapi pada masa pengauditan memang kita tidak dimaklumkan sekian, sekian banyak daripada *sponsor*, daripada mana, untuk apa? kita tidak dimaklumkan. Jadi, kita tidak ada komen apa-apa pun tentang itu. *We are talking* tadi *more on procedure- how to handle money flow* daripada kementerian kepada NGO, NGO balik pula kepada pegawai kerajaan. Sama ada benda itu *proper or not?* Itu sahaja. Kita tidak sentuh pun berkenaan *sponsorship because we don't know and nobody told us. So, it is not an issue to us.*

Tuan Pengerusi: Jadi, saya rasa lepas ini pun pengurusan akaun yang berbeza ini pun perlu dijelaskan kepada AG jugalah. Ini kerana yang hal pembayaran oleh kementerian itu adalah duit daripada *consolidated fund* di mana MSN ini kalau boleh diperincikan lagi dan diberikan penjelasan lebih lanjut kepada AG untuk program-program akan datang.

■1320

Untuk saya yang ini isunya sudah dikenal pasti dan sudah dijawab jugalah kebanyakannya. Akan tetapi untuk *lesson learnt*, program akan datang supaya tidak timbul lagi *misunderstanding between the AG* punya *department* dengan kementerian, perkara ini harap boleh diterangkan dan dipersetujukanlah, mudah cara hendak membayar ini daripada kita ambil secara keseluruhan.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Satu lagi Tuan Pengerusi, kalau saya boleh tambah. Mungkin kita boleh ada *final account for every event*. Kita tahu kerajaan bayar RM5 juta, *sponsorship* RM7 juta, RM12 juta pembayaran berapa dan kita tahu. *So, the next question is* kalau kita hendak *trace* di mana RM7 juta itu sahaja. Sekarang ini macam Yang Berhormat Telok Kemang tanya tadi, dapat balik atau pun tidak? Akan tetapi pemahaman kita, *total* pembayaran kerajaan, *plus sponsor*, patutnya sudah bayar keseluruhannya. *So, maybe* kita dapat tahu *final account* betul-betul perbelanjaan Hari Belia, wang daripada kerajaan campur dengan wang *sponsorship*. *Then we see where...*

Tuan Pengerusi: Hendak minta sekarang punya kah atau akan datang?

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Akan datang.

Tuan Pengerusi: Akan datang ya.

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *Even for this project there should be a final paper, not now*, bukan sekarang. Akan tetapi mungkin dalam jangka satu bulan, dua minggu kah. Mungkin satu laporan perlu dibentangkan kepada pihak...

Tuan Pengerusi: Datuk Jamil boleh buat?

Datuk Jamil bin Salleh [Ketua Setiausaha]: Yang Berhormat, saya akan ambil tindakan.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Oleh sebab itu Yang Berhormat, saya maksudkan tadi, sekali lagi saya beritahu mungkin berbeza pandangan kita. Program ini dilihat program K-Pop. Itu yang jadi isu. Sedangkan bagi saya, melihat ini Hari Belia Negara keseluruhannya. Jadi, kalau mahu melihat satu perkara, saya kata kena tengok yang banyak itu. Kenapa program, misalnya *freestyle*, kalau tempat lain itu berapa ratus ribu hendak bawa mereka daripada Jepun datang, hendak buat pertunjukan *free* di sini. Tempat lain kena bayar sekurang-kurangnya RM400, RM500. Sepatutnya dia kata, mesti beritahu bahawa puji kementerian, telah berjaya membawa program ini secara percuma. Akan tetapi hanya dilihat yang tadi. Ini saya faham.

Kalau dilihat secara keseluruhannya, hendak audit perlu satu-satu. Akan tetapi kalau dilihat – saya bimbang nanti bila saya menganjurkan hari merdeka, misalnya saya dapat banyak murah yang lain kerana orang *sponsor* apa. Tiba-tiba satu daripada perarakan itu untuk tingkatkan dia punya ini, saya bayar lebih. Tidak *burst* bajet misalnya, ya. Kenapa perlu ada *Sukhoi* naik dalam perarakan, itu kan membelanjakan? Itu akan jadi masalah kalau dia fokus pada satu.

Akan tetapi kalau perarakan dilihat pakej keseluruhannya, sudah tentu berbeza cara kita *pinpoint* satu perkara. Ini cara biasa. *I am not an accountant* dalam soal ini tetapi saya melihat yang pentingnya jangan matikan semangat kawan-kawan.

Tuan Pengerusi: Datuk tujukan pandangan itu kepada *AG department* atau pada kawan-kawan saya sebelah sini? *[Ketawa]* Kawan-kawan sebelah sini kah atau sebelah sini?

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Okey.

Tuan Tony Pua Kiam Wee: Saya tahu masa sudah singkat tetapi saya ada sedikit lagi hendak tambah. Bagi pihak MBM, pernah tidak mereka membuat laporan balik kepada pihak kementerian mengenai perbelanjaan yang dibuat dengan RM7.9 juta. Adakah perlu kita melakukan polisi untuk supaya mereka buat laporan terperinci kepada pihak kementerian?

Puan Hajah Hatipah binti Ibrahim: Tuan Pengerusi, mengikut garis panduan pemberian bantuan itu, setelah persatuan ataupun NGO menerima bantuan. Selepas program, sebulan selepas itu perlu menyediakan laporan dan MBM ada menyediakan laporan.

Tuan Tony Pua Kiam Wee: Boleh sampaikan *the copy of the* laporan to pihak PAC bersama dengan perkara yang lain?

Tuan Pengerusi: Ada soalan lain?

Datuk Seri Reezal Merican: Tidak ada. Cuma saya hendak...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri hendak sambung, saya tahu.

Datuk Seri Reezal Merican: Saya tahu Yang Berhormat Menteri hendak sambung, tetapi saya sambung untuk dialah, saya mengambil sikap juga hendak memuji Yang Berhormat Menteri. Oleh sebab apa, dari segi *outcome*, apa yang telah dihasilkan oleh Yang Berhormat Menteri, *I think we need to applaud him as a* Menteri. Oleh sebab yang bangkitkan pasal *K-pop* sahaja. *K-pop, K-pop and K-pop* tetapi satu benda Yang Berhormat Menteri jawab dalam Parlimen, *there are 254* artis tempatan juga dijemput dan dibiayai. Ada macam-macam saya difahamkan. Ada *Wings, Search, Azlan and the Typewriter, right? I am answering on your behalf [Ketawa]*

So, kadang-kadang we got to look from both angles. I think I while being apathetic in that seat, saya fikir bahawa apa perkara yang dibangkitkan dari kewajaran diambil kira. Akan tetapi janganlah sampai kita memberi *a nightmare frightening* punya *fear* kepada Yang Berhormat Menteri untuk hendak menganjurkan pula program-program besar seperti program-program dalam hari kebangsaan ataupun program yang boleh dianggap sebagai *iconic* program yang sekali gus menjulang nama negara. Terima kasih.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Tuan Pengerusi, saya juga...

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Tuan Pengerusi, saya juga mengambil kesempatan ini Yang Berhormat Menteri. *We appreciate what you have done.* Itu sesuatu yang baru. Masa berubah, belia kita sekarang pun berubah, kena banyak perkara berubah.

Akan tetapi rasa-rasanya untuk menangani perubahan yang terkini, yang sekarang ini kian berubah, mungkin dalam kita punya diri sendiri pun- *even to the extent of* cara pengauditan dan sebagainya ataupun cara kewangan kita, Perbendaharaan pun rasa-rasanya *need to be look at* juga, sesuai dengan zaman berubah keadaan sekarang ini. Saya mengaku kalau Yang Berhormat Menteri sebut di Baram, di Limbang, *to be frank*, pekan-pekan kecil, orang takut kena bayar pakai cek dari orang luar. Orang takut dibayar dengan cara ini.

Betul kata, *yes. We want to be paid cash, because* banyak pengalaman orang bawa dari luar, orang tidak bayar. Berbulan- bulan, berbulan-bulan. *That one is true, that one is true.* Saya orang Sarawak, *that is true. I mean we have to look this one practicality [Disampuk]* Okey. Bukan apa. Orang takut tahu. *That is* realitilah. Itu *I concur with you* Yang Berhormat Menteri. Kadang-kadang orang tanya dulu, "*Hendak bayar macam mana?*" Hendak pakai ini, pakai itu, cari orang lain sahajalah. Orang takut. Jadi, *anyway* tahniahlah Yang Berhormat Menteri dan kita pun kena jugalah lihat banyak perkara. Terima kasih.

Tuan Tony Pua Kiam Wee: Ya, *last, no more.* Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kepala Batas tadi, saya rasa perlu dijelaskan bahawa yang di pihak di sini tidak akan membantah sebarang program kerajaan. Minta Justin Timberlake datang ataupun Katy Perry datang. Kalau katakan perbelanjaan tersebut ditaja oleh mana-mana pihak, bukan wang kerajaan. Psy datang ke Pulau Pinang, kita tidak akan bantah kerana dibayar oleh orang lain, bukan kerajaan. Okey, *so we don't care. The issue* yang bangkit adalah kerana pada dahulunya dikatakan konsert ini ditanggung oleh pihak penaja swasta. Selepas itu dijawab oleh pihak kementerian bahawa kementerian yang bayar. Itu sebabnya perkara ini menjadi isu fokus bagi orang ramai. Itu nombor satu.

Nombor dua, mengenai *outcome*. Saya rasa *outcome* ini saya setuju, kena ikut *outcome*. Prinsipnya saya setuju tetapi saya rasa pengiraan *outcome* tersebut perlu ada *basis* yang lebih kukuh. Buat masa ini kita ada satu *chart* daripada pihak kementerian dalam jawapan bahawa pengunjung 2.48 juta orang. Setiap pengunjung belanja RM130, impak ekonomi RM322 juta. *This feels to me a bit like spreadsheet magic.* Saya letak beberapa angka. Selepas itu *multiply*, selepas itu dapat satu *figure*. So, kalau ada kajian, saya boleh setuju. Akan tetapi kalau petik daripada mana-mana sahaja, saya rasa angka ini boleh dipertikaikan. Akan tetapi saya tidak hendak pertikaikan di sini sebab saya pun tidak ada angka. Apa yang saya boleh lihat gambar sahaja di sini. Konsert berapa orang, saya rasa tidak sampai 100,000 orang. Akan tetapi itu pendapat...

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: *We have five days program*, ada 500 acara lain. Ini satu daripadanya.

Tuan Tony Pua Kiam Wee: Saya setuju. *That is why I do not want to fight on the figures. I do not want to fight. So, that is why I meant,* itu yang saya maksudkan cara yang lebih spesifik. Itu sahaja yang saya hendak komen.

■1330

Datuk Seri Reezal Merican: Ramai. Ramai daripada perhimpunan BERSIH.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Saya hendak tambah sedikit sahaja. Satu, saya pun hendak ucap tahniah kepada Menteri dengan keberanian untuk membawa pembawaan baru ini.

Kedua, saya ada sedikit *different* dengan Yang Berhormat Petaling Jaya Utara tadi. Saya rasa tidak ada salah kalau kerajaan membelanjakan wang untuk membawa *superstars* ini kalau ia boleh memberikan kebaikan. Kita jangan takut untuk *spend something that we think is very good but at end of the day, we have to balance* juga.

Ketiga, saya rasa kementerian dengan AG mungkin boleh ada satu sistem komunikasi yang lebih baik. Contohnya, saya rasa kita tidak boleh mempertikaikan prosedur, *because being an auditor also* kita tidak boleh lari daripada prosedur. Akan tetapi komen contohnya, berhemah atau pun tidak kita membawa *K-pop*, itu mungkin satu yang AG boleh berbincang balik dengan kementerian untuk memahami hasrat kementerian membawa program itu supaya laporan itu tidak dilihat dengan bentuk negatif tetapi seperti prosedur itu Dato' Sri, saya masih lagi menyokong AG. Susah bagaimanapun, kita mesti kena *control cash management*. *Because*, kita bila beri *space* sahaja, ia akan ada juga penyalahgunaan itu. Akhirnya, ia akan menjejaskan segala kerja buat kementerian secara keseluruhannya itu. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Tuan Pengerusi, kalau tidak ada lagi, saya juga ingin mengambil peluang ini untuk memberi pandangan ringkas sahaja. Pertamanya, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri hadir dan memberi penjelasan yang agak panjang tadi berkaitan dengan keseluruhan program kementerian khususnya program Hari Belia Negara ini. Saya fikir pandangan-pandangan, cadangan-cadangan, inisiatif-inisiatif tersebut adalah prerogatif Menteri, Kabinet dan kerajaan. Kita walau di pembangkang pun, perasaan, pandangan kita, kita luahkan di tempat-tempat, di majlis-majlis yang lain, kalau pun ada dan kalau setuju pun kita luahkan.

Akan tetapi, saya hendak sebutkan pandangan saya khususnya audit ini dan peranan kita dalam PAC ini sebagaimana Yang Berhormat pun maklum, sekadar untuk mengetahui sama ada perbelanjaan tersebut mengikut prosedur. Itu sahaja. Sudah tentulah Laporan Audit takkan puji panjang-panjang perkara yang betul, itu bukan peranan mereka. Mereka mungkin membangkitkan perkara yang mereka lihat dari segi prosedur tidak betul dan sebagainya dan kami *takeover from there* untuk mengetahui lebih lagi dan membetulkan kalau perlu kepada pembetulan. Itu sahaja.

Sebahagian daripada sensasinya, terpaksa saya sebutkan kerana Menteri pun mengulas cepat dan Menteri yang sekarang pun memberi pandangan, jadi seolah-olah perbezaan pandangan. Mantan Menteri kata ini daripada sumbangan swasta, Menteri sekarang kata tidak, ini daripada kementerian.

Padahal kalau kita dimaklumkan bahawa sebahagian duit masuk dalam MSN, sebahagian duit daripada peruntukan kerajaan dan perbelanjaannya mengikut mana yang lebih mudah, sesuai, selagi tidak bercanggah dengan peraturan, tidak menjadi masalah pada sudut PAC, pada sayalah. Hanya itu sahaja minat kita dan rasanya tidak lebih daripada itu. Harapan saya, pemahaman bersama kita perlu dan tidak menjadi masalah untuk wujudkan dan teruskan. Terima kasih.

Dato' Kamarul Baharin bin Abbas: Tuan Pengerusi, *concurring with my colleague*, kita tidak ada hendak mempertikaikan program-program kerajaan *but at the same time*, kita mesti tahu tanggungjawab kita apabila kita bersidang pada hari ini. Ini berkaitan dengan Laporan Ketua Audit Negara, *nothing beyond that*. Apa juga yang diperjelaskan tadi ataupun justifikasinya ini harus dibincangkan di dalam Dewan. *I think that is a proper platform. That is why we waiting so much time* daripada pukul 10.30 pagi kita tidak ada kerja lain, kita bincang, *but 90% of the time is on irrelevant matters*. Jadi kalau kita tumpukan dalam Laporan Ketua Audit ini, yang pendek sahaja ini, yang jelas, hanya kita perlu tanya apa kekeliruan yang ditimbulkan oleh Ketua Audit Negara *because in any audit report* itu, ia *classified* dia punya *statement- certain matters* dia tidak boleh hendak buat kenyataan. Di situ perlu kita bertanya kepada pihak yang berkenaan.

So dalam hal ini, *I applaud the initiative but at the same, the purpose of this meeting is on the account*. Kita tidak boleh lari daripada tanggungjawab kita *to justify whatever expenses we make, so that* Ketua Audit Negara ini kerja dia senang. Dia boleh buat laporan dan *easy to understand* dan kita sebagai wakil-wakil di sini dapat menjelaskan apabila kita ditanya oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. *That is all our responsibility. Other than that, let's go out there and shout ourselves in the Dewan*. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Jadi untuk gulung... *[Disampuk]* Tidak, Yang Berhormat Menteri ada apa-apa hendak cakap lagi? Ini kerana saya lihat Yang Berhormat Menteri macam *excited* hendak bercakap lagi. Sebelum saya menggulung, biar Yang Berhormat gulung dahulu.

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih banyak kerana sedia mendengar. Saya sudah tidak ada di kementerian ini lagi, mereka sudah hilang semangat. Sekurang-kurangnya ia memberi kekuatan kepada mereka untuk memikirkan yang terbaik di masa yang akan datang. Terima kasih banyak.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Untuk menggulung, saya sebenarnya amat tertarik dengan isu ini bukan kerana ada apa-apa perkara yang salah dan sebagainya. Ini kerana Kementerian Belia dan Sukan serta Kementerian Pelancongan ini, ia perlu buat *event*. *Event* ini menjadi masalah apabila kita tidak boleh hendak *quantify* dia punya kos. Sesetengah orang kata ini murah, ini mahal.

Jadi, ini merupakan satu masalah yang timbul yang menyebabkan Yang Berhormat Menteri hari ini datang sendiri. Kita belum panggil pun tetapi Yang Berhormat Menteri hendak datang juga sampai kita susah *[Ketawa]*

Ini kerana ikut prosedurnya kita panggil, bukan Menteri datang sendiri. Akan tetapi kita mengalu-alukan kehadiran Menteri. Saya rasa Menteri pertama yang saya pernah dengar datang. Saya harap Menteri-Menteri lain boleh ambil contoh Yang Berhormat Menteri. Semalam kita panggil Kementerian Pengangkutan, kita panggil Ketua Setiausaha sahaja, tidak ada Menteri datang. Akan tetapi hari ini Menteri datang sendiri *[Disampuk]* Dia Menteri memangku.

Jadi, satu lagi permohonan, hendak buat prosiding secara *live* itu memang kami tidak boleh berilah kerana tidak ikut prosedur Peraturan Dewan. Itu permintaan itu. Sudahlah Yang Berhormat hendak datang tetapi hendak *live* pula. Jadi minta datang bolehlah tetapi *live* itu tidak boleh.

Saya cuma hendak sebut satu lagi di sini, terima kasih kepada Menteri dan juga pegawai-pegawai. Cuma ada sedikit perkara yang saya minta supaya kita *clear* kan. Bahawa sebelum Yang Berhormat datang ke sini, ada *statements* yang telah dikeluarkan dalam media yang ada menyentuh juga mengenai Jabatan Audit Negara dan menyentuh Yang Berhormat juga. Saya harap perkara ini dapat kita salam tangan, kita lupakan. Kita anggap perkara ini sudah selesai. *Lesson learned, we move forward and then we do the next thing, the best thing for our nations.* Saya ucapkan sekali lagi, terima kasih banyak-banyak. Kita ada *lunch*.

[Saksi-saksi dari Kementerian Belia dan Sukan meninggalkan Bilik Mesyuarat]

■1340

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Tuan William Leong Jee Keen: *I think in term of the rumusan, garis panduan dan peraturan ada dan juga ada cara untuk mendapatkan kecualian. So, kalau kecualian dia dapat, tidak ada masalah. Akan tetapi kalau kita kata ini bukan satu masalah, maknanya peraturan tidak akan diikuti. So, sebagai PAC kita tidak boleh buat begitu.*

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Tuan Tony Pua Kiam Wee: Datuk Rosmee, saya hendak tanya, sesi-sesi yang lalu selalunya kalau ada Mesyuarat, dahulu syor bahagian Datuk yang buat? Dahululah, *not at the two session.* Dahulu punya saya baca, syor selalunya bahagian Datuk yang buat, selalu buat mesyuarat selepas itu minit dibentangkan dalam Parlimen *[Disampuk]* *That is fine*, yang saya baca sebelum tahun 2008 selalunya dia buat minit sahaja, dia bentangkan minit mesyuarat. Okey, yang saya hendak tanya ialah bagi sesi lalu, kita ada yang kita buat syor dan yang kita tidak buat syor pun ada. Akan tetapi yang kita tidak buat syor, minit tidak dibentangkan. Saya hendak tanya, sama ada minit itu boleh dibentangkan? *Quite a few.*

Datuk Roosme binti Hamzah [Setiausaha Dewan Rakyat]: *...No, no, no. The hearing, like whether it is Ministry of Education...*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: Semakan ada dibuat tetapi tidak dibentangkan. *So, it is not a public document.*

Datuk Roosme binti Hamzah: *All minutes of proceeding will not dibentangkan kecuali dengan record that we put in the House. PAC report proceeding never go lose like that, no. It is with whatever that– katalah kita bincangkan tentang apa. If it is on specific tajuk, then apa-apa dokumen, laporan proceeding yang kita buat, then, dibentangkan, begitulah. PAC report does not go... No, no! Tidak, laporan prosiding semuanya, a report that is put together with your particular. Katalah kita ada laporan PAC yang hendak dibentangkan berkenaan dengan sesuatu, berapa meeting yang kita sudah dan apa topik yang kita hendak, syor. Every proceeding yang kita buat, we should come out with our syor. That is...*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *So, basically, for sesi yang lalu, yang dibentangkan hanya PKFZ.*

Datuk Roosme binti Hamzah: *Yes.*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *NFC is now, the latest.*

Datuk Roosme binti Hamzah: *NFC, yes.*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *Itu sahaja?*

Datuk Roosme binti Hamzah: *Yes.*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *So, the rest, all the meeting we did...*

Datuk Roosme binti Hamzah: *Whatever yang kita buat mesti ada syor that...*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *Yes, but it is not a Parliament document...*

Datuk Roosme binti Hamzah: *So, whatever yang akan dibentangkan semua Yang Berhormat will know. Okay, this thing kita akan bentang. That is the procedure.*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *So, untuk mesyuarat-mesyuarat yang akan datang supaya semua- at least the Parliament knows what we are meeting, who we have called, what the interview, what the place. We should have one big syor.*

Datuk Roosme binti Hamzah: *It does not matter. Whatever syor yang kita hendak kata ini perkara yang telah dibincangkan, all the laporan prosiding. You all check dalam laporan prosiding...*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *So, what we did...*

Datuk Roosme binti Hamzah: *Yes.*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *So that the minutes can be table.*

Datuk Roosme binti Hamzah: *Has too. Every meeting...*

Tuan Tony Pua Kiam Wee: *So, boleh atau tidak kita... practice, when we closed like for example one of the controversial that what we went through a lot was the double tracking. Actually, the meeting minute is actually good enough as a report to the Parliament but because we never have that one line...*

